MPSP

LAPORAN TAHUNAN

2014



www.mpsp.gov.my

ISI KANDUNGAN

2 Sekapur Sirih

4 Ahli Majlis MPSP 2013

6 Wawasan

8 Carta Organisasi

10 Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan

16 Jabatan Khidmat Pengurusan

39 Jabatan Undang-Undang

58 Jabatan Perbendaharaan

67 Jabatan Perancang Bandar

82 Jabatan Bangunan

92 Jabatan Kejuruteraan

116 Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

145 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

167 Jabatan Kemasyarakatan

186 Direktorat Penguatkuasaan

198 Jabatan Pelesenan

206 Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)

211 Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa

252 Jabatan Landskap



SEKAPUR SIREH



PERUTUSAN YANG DIPERTUA



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Sebagai pembuka bicara, sya ingin memanjatkan syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnianya Majlis Perbandaran Seberang Perai berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2013. Tahun 2013 merupakan tahun yang mencabar bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam proses mencapai hasrat dan misi MPSP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti Seberang Perai. Tema "Kemampanan Adalah Komitmen Kami" sentiasa dijadikan sebagai perangsang dalam pengurusan berfikir secara kreatif bagi mencapai kemampanan dalam aspek-aspek pengurusan alam sekitar, kewangan dan memenuhi keperluan gender.

Majlis Perbandaran Seberang Perai amat komited dalam mempertingkatkan sistem pengurusan yang berkualiti secara berterusan dengan beberapa persijilan yang diperolehi seperti Persijilan ISO 9001:2008, ISO 14001:2004 dan OHSAS 18001:2007.

Majlis Perbandaran Seberang Perai amat komited dalam mempertingkatkan sistem pengurusan yang berkualiti secara berterusan dengan beberapa kejayaan dan anugerah yang dirangkul seperti Persijilan ISO dan OHSAS. Kesinambungan pelaksanaan program Quality Environment (QE/5S) telah dilaksanakan secara menyeluruh dalam usaha menuju ke arah Persijilan QE MPSP.

Fokus MPSP 2013 telah diwujudkan bagi mendokong visi dan misi MPSP. Sebanyak tujuh fokus yang diterapkan dan melibatkan pelbagai program dan sktiviti yang disertai dengan penetapan Key Performance Index (KPI) sebagai kayu pengukur prestasi setiap jabatan dalam memenuhi aspirasi dan harapan stakeholders. Corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif adalah diperlukan bagimemastikan sistem penyampaian MPSP dapat memenuhi kehendak stakeholders yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang.

Ahkir kata dari sya , Laporan Tahunan 2013 ini adalah satu usaha yang diwujudkan untuk merekod pencapaian dan aspirasi Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam usaha untuk menjadikan MPSP sebagai institusi yang berpengaruhi di Pulau Pinang ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat Seberang Perai.

Sekian terima kasih.

Puan Maimunah Mohd Sharif
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai

AHLI MAJLIS MPSP 2014



SENARAI NAMA AHLI MAJLIS 2014

Barisan pertama dari kiri - Y.B.Dr.Afif Bin Bahardin, Y.B.Chong Eng, Y.B.Dato' Abdul Malik Bin Abdul Kasim, Y.B.Dato' Farizan Bin Darus, Y.B.Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon, Y.B. Lim Guan Eng, Y.B.Chow Kon Yeow, Puan Maimunah binti Mohd Sharif, Y.B.Phee Boon Poh, Y.B.Dato'Haji Mokhtar Bin Mohd Jait, Tuan Sr Haji Rozali Bin Mohamud.

Barisan Kedua dari kiri - Puan Chong pei pei, Puan Shafiqah Shobha Binit Abdullah, Encik Chandrasekaran a/l Sinapayan Maniam, Tuan Haji Md. Jamil Bin Abdul Rahman, Encik Amir Bin Md.Ghazali, Encik Tan Chong Hee, Encik David Mashel a/l Palianathan, Encik Satees a/l Muniandy, Encik Mohd Rizal Bin Abdul Hamid, Encik Ahmad Kaswan Bin Kassim, Encik Tan Cheong Heng, Encik Wong Chee Keet.
Barisan ketiga dari kiri - Encik Ho Leng Hong, Encik Mohamad Shaipol Bin Ismail, Encik Rezal Juzairi Bin Md Zaki, Encik Loh Joo Huat, Encik Abdul Jalil Bin Che Ros, Encik Ong Eu Leong, Encik Zulkiefly Bin Saad.

Barisan keempat dari kiri - Encik H'ng Mooi Lye, Encik Tan Chee Teong, Encik Ahmad Tarmizi Bin Abdullah, Encik Syed Mikael Rizal Aidid.

WAWASAN



WAWASAN

Visi

Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan sentiasa didiaim, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018

Misi

Menyediakan pengurusan perbandaran yang lebih selamt, lebih bersih, lebih hijau & lebih sihat yang responsif kepada komuniti Seberang Perai

Dasar Kualiti

MPSP komited untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan


Objektif MPSP

Keunggulan organisasi
Kepimpinan dan urustadbir cemerlang
Kualiti kehidupan
Penyertaan dan kepuasan hati pelanggan
Fokus pelaburan

CARTA ORGANISASI



CARTA ORGANISASI



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
	KHIDMAT PENGURUSAN						
1	Memastikan pelantikan kakitangan dibuat dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh tapisan kelayakan akademik dilakukan.	12	7	-	5	-	-
	UNDANG-UNDANG						
2	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 14 hari. (Perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 12 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem)	144	132	-	12	-	-
	PERKHIDMATAN PERBANDARAN						
3	Menjalankan pembersihan parit, jalan, bahu jalan dan tanah lapang 1 kali seminggu untuk kawasan perumahan dan 3 kali seminggu untuk kawasan komersial.	5,224	4,379	845	-	-	16.18

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
4	Memberi perkhidmatan kutipan sisa pepejal domestik 3 kali seminggu.	5,507	5,047	460	-	-	8.35
5	Menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput setiap 3 minggu sekali di kawasan perumahan dan komersial.	440	409	31	-	-	7.05
	LANDSKAP						
6	Memastikan pemangkasan pokok-pokok teduhan dan pokok renek dilakukan setiap 6 bulan di kawasan yang dikenal pasti (3 zon).	6	6	-	-	-	-
7	Membaiki alat permainan yang rosak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan diterima.	83	73	10	-	-	12.04
	KEJURUTERAAN						
8	Lampu jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat disiasat dalam tempoh 2 hari daripada tarikh aduan diterima.	621	621	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
9	Memastikan kerja-kerja menampal jalan dan taman yang berlubang dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan diterima.	94	94	-	-	-	-
	BANGUNAN						
10	Siap proses pelan bangunan jenis skim dan kompleks perniagaan dalam tempoh 37 hari daripada tarikh surat permohonan dari OSC (Urusetia Pusat Setempat).	352	75	1	265	11	3
11	Mengeluarkan keputusan terhadap pelan bangunan dalam tempoh 1 hingga 6 minggu mengikut kategori permohonan dari tarikh syarat dipatuhi.	505	505	-	-	-	-
12	Memproses dan meluluskan pelan bangunan rumah kediaman (3 unit dan kebawah) dalam tempoh 3 hari.	102	102	-	-	-	-
13	Memproses dan meluluskan pelan pindaan dan tambahan rumah kediaman dalam tempoh 1 hari.	547	547	-	-	-	-
14	Memproses dan meluluskan pelan tambahan dan pindaan kecil rumah kediaman dalam taman perumahan (Buku Panduan) dalam tempoh 1 hari.	505	505	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
	PERANCANG BANDAR						
15	Memberi keputusan permohonan kebenaran merancang dalam tempoh 8 minggu daripada tarikh penerimaan pelan yang telah ditunaikan syarat.	322	322	-	-	-	-
	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA						
16	Notis Kadaran untuk Kes Bangunan yang melibatkan Skim Kediaman, Skim Perdagangan dan Skim Perindustrian yang diluluskan secara Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dihantar kepada pembayar cukai pada hari yang sama Borang F diterima.	546	546	-	-	-	-
17	Notis Kadaran untuk Kes Bangunan / Tanah selain daripada Skim Kediaman, Skim Perdagangan dan Skim Perindustrian yang diluluskan secara CCC dihantar kepada pembayar cukai tidak melebihi 60 hari daripada tarikh penerimaan kes.	951	951	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
18	Kesemua keputusan permohonan Tukar Nama diproses dalam satu (1) hari kecuali permohonan yang di terima melalui pos atau secara berkelompok.	8,746	8,746	-	-	-	-
	PERBENDAHARAAN						
19	Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan **Januari** bagi setengah tahun pertama dan bulan **Julai** bagi setengah tahun kedua tiap-tiap tahun.	406,735	406,735	-	-	-	-
20	Cek/EFT kepada pembekal akan dicetak/ dipindahkan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh dokumen lengkap diterima.	7,809	7,809	-	-	-	-
21	**Bayaran cukai taksiran yang diterima, adalah dikemaskini di paparan bil On-line seperti berikut:** Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP - Serta merta.	RM72,498,358.48	RM72,498,358.48	-	-	-	-
	Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP - Hari yang sama.	RM30,113,551.10	RM30,113,551.10	-	-	-	-
	Bayaran melalui laman web MPSP , agen bank,TM,TNB & POS - 1 hari selepas transaksi.	RM26,462,601.37	RM26,462,601.37	-	-	-	-
	Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - 3 hari selepas transaksi.	RM4,524,000.80	RM4,524,000.80	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
22	**Bayaran kompaun letak kereta yang diterima, adalah dikemaskini di paparan semakan On-line seperti berikut:** Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP - Serta merta.	RM1,715,935.00	RM1,715,935.00	-	-	-	-
	Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP- Hari yang sama.	RM263,795.00	RM263,795.00	-	-	-	-
	Bayaran melalui agen bank (RHB) & POS - 1 hari selepas transaksi.	RM98,055.00	RM98,055.00	-	-	-	-
	Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - 3 hari selepas transaksi.	-	-	-	-	-	-
	KEMASYARAKATAN						
23	Maklum balas aduan dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 1 hari daripada tarikh aduan diterima (Aduan Kebersihan Awam).	126	126	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
24	Maklum balas aduan dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 5 hari daripada tarikh aduan diterima (Lain-Lain Kategori Aduan).	12,529	12,529	-	-	-	-
	JABATAN PELESENAN						
25	Mengeluarkan bil lesen premis sementara dalam tempoh 1 hari selepas penerimaan borang permohonan lesen yang lengkap di Kaunter Berpusat.	1,416	1,416	-	-	-	-
26	Mengeluarkan bil lesen penjaja dalam tempoh 1 hari selepas penerimaaan borang permohonan lesen yang lengkap di Kaunter Berpusat.	666	666	-	-	-	-
27	Makluman keputusan temuduga melalui SMS diberi 1 hari selepas temuduga.	695	695	-	-	-	-
	JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN						
28	Pemeriksaan Tahap Kebersihan Premis Makanan: Memeriksa tahap kebersihan setiap makanan yang didaftarkan dalam tempoh 3 bulan sekali.	4,815	4,815	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
	PESURUHJAYA BANGUNAN						
29	Menangani masalah pelbagai aduan berkaitan Akta 663 (Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 dan Akta 318 (Akta Hak Milik Strata) 1985 dan sebagainya dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan di terima.	457	457	-	-	-	-
30	Memastikan pemaju mengadakan mesyuarat pertama penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) tidak lewat daripada 12 bulan (menurut Seksyen 4(1)(b) Akta 663) dari tarikh penyerahan milikan kosong petak itu kepada pembeli.	10	10	-	-	-	-
31	Mengesahkan penubuhan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi tujuan pengeluaran sijil oleh Pejabat Tanah dan Galian dalam tempoh 14 hari dari tarikh diterima.	17	17	-	-	-	-
	UNIT OSC (URUSETIA PUSAT SETEMPAT)						
32	Semua permohonan direkodkan dan dirujuk kepada Jabatan Induk dan Jabatan-jabatan Teknikal dalam tempoh 2 hari bagi konsep Jual Kemudian Bina (JKB), Projek Biasa.	1,414	1,414	-	-	-	-

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP
JANUARI- DISEMBER 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		% Peratus Tidak Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
33	Semua permohonan direkodkan dan dirujuk kepada Jabatan Induk dan Jabatan-jabatan Teknikal dalam tempoh 1 hari bagi konsep Bina Kemudian Jual (BKJ), Projek Impak Tinggi, Projek Pelaburan Asing Dan Projek Kerajaan.	51	51	-	-	-	-

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pengenalan

Fungsi Jabatan Khidmat Pengurusan

1. Menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan Pentadbiran Am, Personel dan Kebajikan Kakitangan, Pembekalan dan Stor, Kontrak dan Perkhidmatan
2. Memberi perkhidmatan urusetia kepada jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat serta Majlis Penuh
3. Pembangunan Sumber Manusia – Menyedia ruang serta peluang dan mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan latihan, kursus, pembangunan diri dan kerjaya kakitangan.
4. Saluran komunikasi antara pentadbiran MPSP dengan Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan lain.
5. Menyediakan sistem kawalan ke atas penggunaan kenderaan Jabatan Khidmat Pengurusan dan juga kebersihan pejabat.
6. Mengawalselia pembangunan sistem dan teknologi maklumat Majlis.
7. Pengurusan hal-hal berkaitan dengan perolehan dan bekalan MPSP.
8. Pengurusan Hal Ehwal Ahli Majlis MPSP
9. Pengurusan Kaunter Berpusat MPSP
10. Menyelaras Unit Skuad Khas untuk bantuan kerja-kerja kecemasan serta lain-lain tugas khas berdasarkan arahan Yang Dipertua dan Setiausaha Perbandaran.

Jabatan Khidmat Pengurusan

- Bahagian Pentadbiran
- Bahagian Perkhidmatan Dan Perjawatan
- Bahagian Perolehan
- Bahagian Latihan dan Kompetensi
- Bahagian Kaunter Berpusat
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Skuad Khas

Bahagian Pentadbiran

Fungsi Bahagian Pentadbiran

1. Memastikan semua arahan dan dasar Majlis serta Kerajaan dilaksanakan dengan jaya dan cekap.
2. Menguruskan pengeluaran pelekat meletak kereta percuma.
3. Mengadakan satu sistem kawalan yang cekap dan berkesan ke atas keselamatan dan kebersihan pejabat dan penggunaan kenderaan-kenderaan Majlis.
4. Menguruskan penerimaan dan penghantaran surat-surat Majlis.
5. Menguruskan sistem telefon Majlis.
6. Pengurusan waden lalu lintas sekolah.
7. Pengurusan rekod kenderaan - Insuran, 'Touch-n-Go' dan Kad Inden Minyak.

Pas Letak Kereta Percuma MPSP Tahun 2014

BIL	BUTIR-BUTIR	BILANGAN (KEPING)
1.	Bilangan Pas Letak Kereta Percuma yang dikeluarkan oleh MPSP	1519
2.	Bilangan Pas Letak Kereta Percuma OKU yang dikeluarkan oleh MPSP	325

Statistik Tahun 2014



Permohonan Warden dan Tuntutan Elaun Warden Lalu Lintas Sekolah

JUMLAH SEKOLAH BERDAFTAR	WARDEN BERDAFTAR	SEKOLAH AKTIF	WARDEN AKTIF	BAYARAN
81	81	47	47	RM 37,543.10

BIL	BUTIR-BUTIR	BILANGAN WARDEN	BAYARAN
1.	Bayaran Elaun Warden Lalulintas Sekolah	47	RM 37,543.10

Penggunaan Kertas A4 Di Jabatan-Jabatan MPSP
Langganan Akhbar Di Jabatan-Jabatan MPSP - 2014

JABATAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
KHIDMAT PENGURUSAN	85	150	130	115	115	90	105	105	100	90	80	125	1290
UNDANG-UNDANG	61	55	53	45	48	52	43	35	32	30	30	29	513
KEJURUTERAAN	75	73	77	75	79	76	79	77	74	85	86	79	935
PERKHIDMATAN KESIHATAN	25	18	16	20	15	12	10	11	11	10	12	9	169
PERANCANG BANDAR	84	83	85	104	105	80	51	86	118	85	80	81	1042
PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	29	46	27	51	39	32	28	40	21	19	31	33	396
PBDRN/DEP SAMPAH/LANDSKAP	61	40	39	58	54	33	39	49	36	58	33	51	551
PERBENDAHARAAN	56	41	53	32	90	35	25	32	35	49	52	49	549
KEMASYARAKATAN	17	23	12	21	16	17	10	11	24	34	25	13	223
BANGUNAN	36	32	36	42	45	30	20	39	31	35	35	25	406
PELESENAN	50	50	29	58	56	54	41	44	22	26	35	44	509
DIREKTORAT	21	24	25	37	28	25	25	27	29	29	23	32	325
PESURUHJAYA BANGUNAN	3	4	6	5	4	3	4	4	4	17	7	3	64
KORPORAT& PERH.ANTARABANGA	20	19	20	19	20	19	20	18	18	20	18	19	230
UNIT AUDIT DALAM	3	2	5	6	4	1	1	1	0	1	3	3	30
LANDSKAP												35	35
JUMLAH	626	660	608	682	718	559	501	579	555	588	550	592	7218

JENIS AKHBAR	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
BERITA HARIAN	149	163	172	180	167	172	160	173	166	173	185	194	2054
MALAY MAIL	60	60	63	66	61	63	58	63	62	64	60	64	744
THE STAR	223	227	241	250	231	240	221	234	210	219	210	219	2725
HARIAN METRO	147	163	173	180	167	172	160	180	186	194	165	173	2060
UTUSAN MALAYSIA	23	20	21	22	22	21	20	21	22	22	20	23	257
NEW STRAITS TIMES	123	127	136	140	131	135	126	136	130	136	130	135	1585
SINAR HARIAN	88	87	94	96	91	93	88	94	90	92	90	97	1100
THE SUN (PERCUMA)	95	100	105	110	100	105	95	105	100	105	100	105	1225
KWONG WAH YIT POH	19	20	21	22	20	21	20	21	21	21	20	21	247
BERITA MINGGU	4	4	5	4	5	5	4	5	4	4	5	4	53
AHAD METRO	4	4	5	4	5	5	4	5	4	4	5	4	53
SIN CHEW DAILY	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	935	975	1036	1074	1000	1032	356	1037	995	1034	990	1039	12103

Surat-Surat Luaran Yang Diterima dan Didaftarkan Dalam E-Surat

BULAN	JUMLAH
JANUARY	2504
FEBUARY	2537
MARCH	2764
APRIL	3120
MAY	2514
JUNE	2746
JULY	2646
AUGUST	2614
SEPTEMBER	2684
OCTOBER	2531
NOVEMBER	2189
DISEMBER	2416
JUMLAH	31265

PERKARA	*BILANGAN*
ID SURAT YANG DIKEMASKINI DALAM SISTEM E-SURAT	*1101*

Surat Edaran Dalaman Yang Dihantar Dalam E-Surat Tahun 2014

BULAN	BILANGAN
JANUARY	641
FEBUARY	604
MARCH	786
APRIL	898
MAY	718
JUNE	807
JULY	785
AUGUST	764
SEPTEMBER	838
OCTOBER	711
NOVEMBER	644
DISEMBER	597
JUMLAH	7895

Bahagian Kesetiausahaan

Fungsi Bahagian Kesetiausahaan

1. Mengurus keperluan dan agenda Yang Dipertua serta Setiausaha Perbandaran.
2. Pengurusan Ahli Majlis dari segi elaun dan kebajikan.
3. Memantau penggunaan peruntukan bagi projek jawatankuasa tahun 2011.
4. Menyelaras aduan-aduan ahli majlis yang diterima melalui surat.
5. Menyediakan Pembantu Setiausaha Pejabat untuk mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dan Ad-hoc MPSP.

Statistik Mesyuarat Ad-Hoc Tahun 2015

BULAN	2012
JANUARY	25
FEBUARY	39
MARCH	50
APRIL	58
MAY	39
JUNE	52
JULY	42
AUGUST	57
SEPTEMBER	41
OCTOBER	45
NOVEMBER	46
DISEMBER	39
JUMLAH	533

Bahagian Perkhidmatan dan Penjawatan

Fungsi Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan

1. Mengurus pengambilan kakitangan baru untuk jawatan tetap, kontrak dan sambilan di Majlis.
2. Mengurus gaji dan elaun kakitangan.
3. Mengurus persaraan.
4. Mengurus hal-hal berkaitan perkhidmatan kakitangan.
5. Mengurus kemudahan rawatan perubatan dan klinik panel.
6. Menyelaras permohonan Pinjaman Perumahan, Kenderaan dan Komputer.
7. Pengurusan Tertib.

Bahagian Perjawatan

Kedudukan Perjawatan Keseluruhan MPSP Tahun 2014

KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	1	0	1
Pengurusan & Profesional	54	4	58
Sokongan I (17-38)	733	128	861
Sokongan II	774	2440	3214
JUMLAH	**1562**	**2572**	**4134**

Statistik Pengambilan Baru Tahun 2014

Pengurus Tertinggi		Pengurus & Profesional		Sokongan 1		Sokongan 2		Jumlah Pengambilan	
Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak
0	0	2	3	4	61	0	1202	6	1266

Statistik Kenaikan Pangkat Tahun 2014

Bil	Jawatan	Gred	Bilangan
1	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U36	1
2	Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa	J36	1
3	Penolong Akauntan	W32	1
4	Penolong Pegawai Penilaian	W32	1
5	Pembantu Penilaian	W26	1
6	Pembantu Penguatkuasa	N26	1
7	Pembantu Tadbir	N22	5
8	Pegawai Kesihatan Persekitaran	U44	1

Statistik Persaraan Tahun 2014

Kumpulan	Persaraan Wajib	Persaraan Pilihan	Persaraan Atas Sebab Kesihatan	Meninggal Dunia	KWSP	Jumlah
Pengurusan & Profesional	0	3	0	0	0	3
Sokongan 1	17	9	0	0	0	26
Sokongan 2	36	5	0	6	0	47
Jumlah	53	17	0	6	0	76

Kes-Kes Tatatertib Yang Telah Selesai Dalam Tahun 2014

KUMPULAN	BIL. PEGAWAI	SALAH LAKU	HUKUMAN
Pengurusan & Profesional	1	Membuat Keputusan Tanpa Kelulusan YDP	Denda
Sokongan 1	6	- Ketidakhadiran - Merima/Mengambil wang tanpa kelulusan AP69	Amaran, Lucuthak Emolumen, Tangguh Pergerakan Gaji.
Sokongan 2	21	- Gangguan Seksual - Ketidakhadiran - Pemalsuan Sijil Cuti Sakit	Tangguh Pergerakan Gaji, Turun Gaji, Buang Kerja

Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014

TAHUN	KUMPULAN			JUMLAH
	PENGURUSAN & PROFEIONAL	SOKONGAN 1	SOKONGAN 2	
2014	3	45	101	149

Perbelanjaan Klinik Panel Tahun 2014

BIL.KLINIK	JAN (RM)	FEB (RM)	MAC (RM)	APR (RM)	MEI (RM)	JUN (RM)	JUL (RM)	OGOS (RM)	SEPT (RM)	OKT (RM)	NOV (RM)	DIS (RM)	JUMLAH (RM)
54	80391	74612	80294	83417	83390	88809	81404	94152	90863	90637	90644	95001	**1033614**

Perbelanjaan Hemodialisis Panel Tahun 2014

BIL.PESAKIT	JAN (RM)	FEB (RM)	MAC (RM)	APR (RM)	MEI (RM)	JUN (RM)	JUL (RM)	OGOS (RM)	SEPT (RM)	OKT (RM)	NOV (RM)	DIS (RM)	JUMLAH (RM)
26	71720	63540	72350	70590	82360	78200	81850	78840	80770	78660	75110	81130	**915120**

Bahagian Perolehan

Fungsi Bahagian Perolehan

1. Menguruskan Perbelanjaan Vot Jabatan Khidmat Pengurusan dan Vot Bersama YDP/SUP (Sebahagian)
2. Menguruskan Pengiklanan dan Penjualan Tender atau Sebutharga.
3. Urusetia kepada :-
    a) Lembaga Perolehan
    b) Jawatankuasa Sebutharga
    c) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)
    d) Lembaga Pemeriksa Pelupusan (Aset Alih Kerajaan)
    e) Jawatankuasa Kehilangan
4. Pengurusan Laporan Prestasi Pembekal/Kontraktor/Syarikat.
5. Unit Pengurusan Aset.
6. Menguruskan Pelantikan Kontraktor/ Pembekal/ Syarikat bagi perkhidmatan dan bekalan seperti berikut :-
    a) Kawalan Keselamatan kepada Premis-Premis Majlis.
    b) Insuran

c) Pakaian Seragam
d) Alat tulis
e) Mesin Fotostat
f) Anai-Anai
g) Pembersihan Bangunan Pejabat
h) Hand soap, Sanitizer dan Pewangi

Bilangan Mesyuarat Dan Pelantikan Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut harga Serta Kos Terlibat Dalam Tahun 2014

Perkara	Bilangan Mesyuarat	Bilangan Pelantikan	Kos Terlibat (RM)
Lembaga Perolehan	8	35	24,051,395.18
Jawatankuasa Sebutharga	9	36	3,344,674.92

Bilangan Tender dan Sebut harga Pada Tahun 2014 (Peruntukan Majlis/ Negeri/ Persekutuan)

TENDER	SEBUTHARGA
62	78

Bahagian Latihan dan Kompentensi

Fungsi Bahagian Latihan dan Kompentensi

1. Menguruskan latihan dalaman dan luaran untuk kakitangan MPSP.
2. Menguruskan Program Transformasi Minda bagi kakitangan yang baru dilantik di MPSP.
3. Menyelaras peperiksaan perkhidmatan untuk pengesahan jawatan dan peperiksaan khas untuk kenaikan pangkat.
4. Menyelaras permohonan untuk latihan amali dan peralihan di MPSP.

Statistik Latihan Jabatan Khidmat Pengurusan Tahun 2014

BIL.	KATEGORI	JUMLAH (ORANG)
1	KEHADIRAN KAKITANGAN KE KURSUS	4021
2	JENIS KURSUS LUARAN	204
3	JENIS KURSUS DALAMAN	383
4	KAKITANGAN YANG HADIR 7 HARI KURSUS	3530
5	KAKITANGAN YANG HADIR KURANG DARIPADA 7 HARI KURSUS	576

6	KAKITANGAN YANG HADIR PROGRAM TRANFORMASI MINDA	-
7	PERMOHONAN PELAJAR LATIHAN AMALI	288
8	PERMOHONAN PERALIHAN	-

Pelan Tindakan Bahagian Latihan dan Kualiti Tahun 2014

SASARAN PRESTASI	PENCAPAIAN BERBANDING PERANCANGAN	PUNCA TIDAK MENCAPAI	CADANGAN TINDAKAN PEMBETULAN / PENCEGAHAN
Memastikan Semua Kakitangan Menghadiri 7 Hari Kursus Dalam Setahun	85 % Kakitangan Yang Telah Menghadiri Kursus 7 Hari	Kepentingan Tugas Dan Kemasukkan Pekerja Baru Pada Bulan Julai Dan Ogos 2014	Memastikan Kerjasama Daripada Ketua Jabatan Untuk Penyertaan Kakitangan Dalam Latihan
Memastikan Semua Pegawai / Kakitangan Yang Hadir Latihan Mendapat Purata Markah 3 Ke Atas Bagi Penilaian Kompetensi	98 % Mendapat Purata 3 Markah Ke Atas	Kakitangan Tidak Menunjukan Prestasi Yang Baik Selepas Menghadiri Latihan Yang Diberikan	Latihan Semula Kepada Kakitangan Yang Terlibat Serta Pemilihan Jenis Latihan Dan Modul Pembelajaran Adalah Selaras Dengan Keperluan Kakitangan

Unit Skuad Khas

Latar Belakang

Unit Skuad Khas mula beroperasi secara rasminya pada tahun 2000 dan waktu perkhidmatan adalah 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Fungsi utama Unit Skuad Khas adalah untuk respon bagi menghadapi kecemasan/ bencana dan menghalang dari tercetusnya impak ke atas alam sekitar dalam kawasan pentadbiran MPSP. Ini adalah salah satu aktiviti yang didaftarkan di bawah Prosedur Pengurusan Alam Sekitar (EMS MS ISO 14001 : 2004). Skuad Khas, MPSP juga terlibat dalam Jawatankuasa Latihan Bencana Negeri di mana beberapa jabatan /agensi kerajaan bekerjasama untuk memberi bantuan semasa krisis bencana peringkat negeri.

Fungsi Unit Skuad Khas


1. Memberi tindakbalas dengan segera kepada aduan-aduan yang diterima dari Tuan YDP, Tuan SUP, PKP dan Biro Pengaduan Awam(Jabatan Kemasyarakatan).
2. Menjalankan aktiviti-aktiviti pembersihan di kawasan-kawasan bermasalah atau kawasan yang belum dikontrakkan.

3. Pembersihan segera semasa lawatan-lawatan rasmi.
4. Membantu Jabatan-Jabatan lain di MPSP dan agensi-agensi kerajaan yang lain semasa berlaku bencana alam, wabak penyakit berjangkit atau kecemasan lain.
5. Tugas-tugas khas yang diarahkan dari masa ke semasa.

Aktiviti	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Pembersihan Am	89	66	48	52	75	70	57	61	42	62	56	48	726
Pengangkutan	15	9	15	8	6	19	3	9	8	8	12	12	124
Parit	29	48	53	58	38	13	29	9	17	24	22	16	356
Tandas Bergerak	2	4	1	4	3	3	2	7	0	1	3	7	37
Gotong-Royong	6	2	10	5	4	7	3	0	4	6	8	3	58
Menebang/ Cantas	23	11	7	37	52	39	26	56	56	44	54	23	428
Pokok													
Kecemasan	8	5	8	12	10	7	6	21	3	9	5	6	100
Kompleks/Pasar	10	9	6	14	13	5	7	8	27	27	22	14	162
Program Membasmi	6	12	14	9	5	6	6	4	3	1	2	3	71
Denggi (Bantuan)													
Program Menghadapi	1	0	0	2	23	6	7	7	11	22	14	25	118
Bencana Banjir													
Lain-Lain *	20	24	38	18	11	17	19	13	25	25	13	16	239
Jumlah	209	190	200	219	240	192	165	195	196	229	211	173	**2419**

Laporan 12 Tahun Unit Skuad Khas

TAHUN	*JUMLAH KES*
2003	1464
2004	1514
2005	1798
2006	1570
2007	1306
2008	1162
2009	1267
2010	1271
2011	1787
2012	1878
2013	2116
2014	2419




Bahagian Kaunter Berpusat

Fungsi Utama

Berfungsi sebagai medium penyampaian perkhidmatan setempat kepada pelanggan dan "*stakeholders*" dengan mengaplikasikan sistem "*multiskill*" bagi menyediakan perkhidmatan kaunter terbaik sejajar dengan Misi Perkhidmatan Pelanggan.

"MPSP komited untuk mempertimbangkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan"




Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Bagi Kaunter Perkhidmatan dan Kaunter Bayaran Ibu Pejabat MPSP

Kajian Kepuasan Pelanggan Bagi Januari – Jun 2014

Jenis Kaunter	Jumlah Pelanggan	Masa Perkhidmatan	Purata Penarafan Kepuasan Pelanggan
KAUNTER PERKHIDMATAN	30364 orang	7.05minit	4.85/ 5.00
KAUNTER BAYARAN	51782 orang	4.17minit	4.71/ 5.00
JUMLAH KESELURUHAN BAGI ANALISA KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN JANUARI-JUN 2014	82,146 orang		

Carta Bar Kajian Kepuasan Pelanggan Bagi Purata Penarafan Kepuasan Pelanggan Bagi Januari Hingga Jun 2014 Kaunter Perkhidmatan dan Kaunter Bayaran Ibu Pejabat Mpsp




Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Bagi Kaunter Perkhidmatan dan Kaunter Bayaran Ibu Pejabat MPSP

Kajian Kepuasan Pelanggan Bagi Julai – Disember 2014

JENIS KAUNTER	JUMLAH PELANGGAN	MASA PERKHIDMATAN	PURATA PENARAFAN KEPUASAN PELANGGAN
KAUNTER PERKHIDMATAN	34604 orang	8.23 minit	4.90/ 5.00
KAUNTER BAYARAN	57992 orang	4.58 minit	4.79/ 5.00
JUMLAH KESELURUHAN BAGI ANALISA KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN JULAI - DISEMBER 2014	92,596 orang		

Carta Bar Kajian Kepuasan Pelanggan Bagi Purata Penarafan Kepuasan Pelanggan Bagi Julai Hingga Disember 2014 Kaunter Perkhidmatan Dan Kaunter Bayaran Ibu Pejabat MPSP



Kutipan Dan Perolehan Hasil Melalui Perkhidmatan Kaunter Berpusat Bagi Tahun 2014

BULAN	JUMLAH KUTIPAN
JANUARI	RM 15,728,700.77 juta
FEBRUARI	RM 31,999,130.42 juta
MAC	RM 10,180,048.78 juta
APRIL	RM 8,393,710.70 juta
MEI	RM 8,185,225.21 juta
JUN	RM 7,594,416.85 juta
JULAI	RM 13,461,774.47 juta
OGOS	RM 28,717,104.16 juta
SEPTEMBER	RM 11,676,696.82 juta
OKTOBER	RM 8,491,771.46 juta
NOVEMBER	RM 11,752,352.55 juta
DISEMBER	RM 18,811,492.48 juta
JUMLAH KESELURUHAN PERKHIDMATAN KAUNTER BERPUSAT BAGI TAHUN 2014	**RM 174, 992,424.68 juta**

Operasi Kutipan Hasil Kaunter Bergerak Sepanjang Tahun 2014

Kaunter Bergerak telah melaksanakan operasi kutipan di empat pasar awam utama pada setiap hari sabtu dan Ahad bagi minggu kedua dan minggu ketiga iaitu di :

1. Pasar Awam Taman Chai Leng
2. Pasar Awam Bagan Ajam
3. Pasar Awam Kepala Batas
4. Pasar Awam Nibong Tebal

BULAN	JUMLAH KUTIPAN
JANUARI	RM 15,392.00
FEBRUARI	RM 4020.00
MAC	RM 11,195.00
APRIL	RM 20,072.00
MEI	RM 17,515.00
JUN	RM 18,315.00
JULAI	RM 17, 191.00
OGOS	RM 18, 590.00
SEPTEMBER	RM 23,533.00
OKTOBER	RM 55,653.00
NOVEMBER	RM 51,741.00
DISEMBER	RM 60,884.00
JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN	**RM 314,641.00**

Majlis Pelancaran Selepas Majlis Penuh September 2014
Kaunter Multiskill : Inovasi MPSP Dalam Merakyatkan Perkhidmatan

Syarikat	RTG Intech Corporation (M)Sdn.Bhd
Harga Belian	RM 271,550.00

Latar Belakang

Majlis Perbandaran Seberang Perai mengorak langkah dalam memperkasakan perkhidmatan pelanggan yang memenuhi ekspetasi pelanggan dan *stakeholders* melalui inovasi perkhidmatan. Sejarah pengenalan penggunaan perkhidmatan kaunter bergerak telah bermula pada November 2010 melalui Program Transformasi MPSP dalam usaha memperkukuhkan kedudukan fiskal dengan mengubahsuai sebuah bas yang menelan belanja keseluruhan RM35,000.00. Sehingga Ogos 2014 kaunter bergerak yang diubahsuai telah mengutip hasil keseluruhan berjumlah RM 5.25 juta. Sejajar dengan itu, dalam memberikan perkhidmatan *delighting the customer,* belian kaunter bergerak yang baru bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan dan kondusif untuk digunakan bagi tujuan operasi kutipan hasil dan perkhidmatan telah dilaksana pada tahun 2014. Perkhidmatan yang berkonsepkan *centralised counter* menjadi fokus utama bagi memastikan pelanggan dan stakeholders dapat berurusan dan kebolehcapaian maklumat adalah menepati misi kenyataan perkhidmatan pelanggan MPSP iaitu "Komited Dalam Memberikan Perkhidmatan Kaunter Terbaik" dengan 82 jenis perkhidmatan disediakan







BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fungsi Teknologi Maklumat

1. Pengurusan dan penyelenggaraan peralatan komputer dan rangkaian

Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan peralatan, perisian dan rangkaian komputer serta yang berkaitan dengannya, yang menjadi kepunyaan Majlis termasuk cawangan-cawangannya. Maklumat terperinci adalah seperti di bawah :

Bil.	Jenis Peralatan/Perisian/Lain-lain	Bilangan
i	Komputer Desktop	800
ii	Komputer Notebook	40
iii	TV	5
iv	Pencetak	125
v	Ipad	31
vi	Komputer Pelayan (Server) dan yang berkaitan - Web server - Mail server - Domain server - Server (BM) - Server (NT - Server (Mahkamah) - Firewall - Router - HP RX2620 (database server) - Antivirus server - Hub/Switch - Application Server - WSUS Server (Windows Update Services) - Virtualization Server - SAN Storage	 1 2 2 1 1 1 2 7 2 1 30 10 1 1 3
vii	Sistem Rangkaian Majlis - Leased Line Ibu Pejabat dan Cawangan - Wireless LAN - Streamyx 1 mbps semua depo pembersihan - Metro E 12 mbps - Wireless Broadband - Unifi 20 mbps Ibu Pejabat dan Pej. Jln. Betek	 4 9 15 1 4 2
viii	Perisian	50

2. Pengurusan pembelian peralatan komputer, pencetak dan dakwat pencetak.

2.1 Mengurus pembelian komputer dan pencetak baru untuk semua jabatan di Majlis seperti maklumat berikut :

Peralatan	Jumlah (unit)	Kos (RM)
Komputer	150	277,500
Pencetak	6	13,080

2.2 Mengurus pembelian dan pengagihan dakwat pencetak (ink/toner) kepada semua jabatan di Majlis melibatkan kos seperti berikut :

Kos (RM)
81,678

3. Mengurus serta membaik pulih CPU dan pencetak yang rosak.

Jenis Peralatan	Jumlah (unit) yang dibaikpulih
CPU	150
Pencetak	10

4. Pengurusan dan penyelenggaraan mesin 'Thumb Print' untuk pemantauan kehadiran kakitangan dalam Sistem Kehadiran, termasuklah :

a) Pendaftaran kakitangan baru seramai 500 orang.

b) Pertukaran kakitangan ke cawangan atau depoh

Lokasi Mesin Handpunch	Bilangan Mesin Handpunch
Basement	1
Lobi	2
Cawangan Jalan Betik	3
Depoh Pembersihan	17
Tapak Semaian	3
Pej. Cawangan Jawi	1
PUSKEB	1
Rumah Pam Taman Chai Leng	1
Mahkamah Kampung Jawa	2
Jumlah	**31**

5. Pengurusan dan menyelenggara peralatan Audio Visual di Auditorium.

6. Pengurusan dan menyelenggara peralatan komputer dan LCD di semua bilik mesyuarat termasuk bilik Ahli Majlis.

7. Mengurus pemasangan dan penyelenggaraan WIFI di lobi, bilik-bilik mesyuarat dan Auditorium.

8. Mengurus dan menyelenggara keseluruhan peralatan CCTV di Ibu Pejabat MPSP.

9. Melaksanakan kerja-kerja pelupusan peralatan komputer seperti berikut :

Jenis Peralatan	Jumlah (unit)
Monitor	30
CPU	20
Pencetak	10
Notebook	2

10. Mengurus pembelian dan pembayaran peralatan komputer, rangkaian dan pembangunan serta penyelenggaraan sistem-sistem untuk setiap jabatan.

11. Menguruskan dan menyelenggara peralatan di dalam Bilik Server seperti berikut :
    a) Mengadakan kontrak penyelenggaraan peralatan dengan pihak vendor
    b) Memantau semua peralatan berfungsi dengan baik setiap masa

12. Membantu menyelesaikan masalah penggunaan peralatan komputer dan pencetak bagi kakitangan yang menghadapi masalah berkaitannya.

Bahagian Pengurusan Sistem dan Laman Web

1. Pengurusan Laman Web

    1.1 Laman Web Majlis
    a) Menambahbaik laman web Majlis untuk kemudahan warga Seberang Perai.
    b) Mengemaskini maklumat dalam tempoh 2 hari dari penerimaan maklumat sejajar dengan prosedur ISO Bahagian Teknologi Maklumat.
    c) Menyalurkan maklum balas/aduan pengunjung kepada jabatan yang berkaitan dalam tempoh 3 hari seperti yang telah digariskan oleh pihak MAMPU.
    d) Merekabentuk 'banner' sambutan perayaan untuk paparan di Laman Web.
    e) Menyediakan Laporan Bulanan Pencapaian ISO Berkaitan Pengurusan Laman Web MPSP (sebulan sekali) dan Laporan Prestasi Pembekal (6 bulan sekali).
    f) Menyediakan salinan (Backup) Laman Web MPSP seminggu sekali.

    1.2 Laman Web LA21
    a) Menambah modul dan mengemaskini maklumat mengikut permintaan pengguna.
    b) Menyediakan salinan (Backup) Web LA21 seminggu sekali.

1.3 Laman Intranet (MPSPnet)

a) Penyelenggaraan dan penambahan maklumat terhadap MPSPnet dilakukan dari masa ke semasa.
b) Merekabentuk 'banner' peristiwa/perayaan.
c) Memasukkan gambar-gambar aktiviti ke dalam album.
d) Mengemaskini borang-borang MPSP.
e) Menyediakan salinan (Backup) Laman Intranet (MPSPnet) seminggu sekali.

1.4 Mobile Web

a) Merekabentuk dan mengemaskini dari masa ke semasa.

1.5 Laman Web Jabatan Veterinar - **AN ANIMAL, A LIFE**

a) Membangunkan laman web dan mengendalikan kursus pengurusannya terhadap kakitangan Jabatan Veterinar.

1.6 Laman Web Jabatan Pesuruhjaya Bangunan

a) Membantu dalam pengurusan laman web.

1.7 Laman Web 5S

a) Membangun dan mengurus Laman Web 5S.

2. Pengurusan Sistem-Sistem di Majlis

2.1 Membangunkan sistem-sistem baru seperti berikut :

a) Sistem Kawalan Dan Penggredan Pemandu
b) Sistem Pemetaan Kakitangan Jabatan Perbandaran
c) Sistem Maklumat Dashboard Unit Audit Dalam
d) Sistem Proses Kebenaran Merancang
e) Sistem Maklumat CCTV
f) Sistem Soal Selidik Bajet 2015
g) Sistem Soal Selidik Mengenai Masakan Tempatan (Bukan Restoran) Di Pulau Pinang
h) Paparan video/persembahan di skrin TV

2.2 Menyelenggara dan menambahbaik sistem-sistem sedia ada seperti di bawah :

a) Sistem Maklumat Kursus
b) Sistem Selenggara Kenderaan
c) Sistem Saraan Malaysia
d) Sistem Cukai Jalan
e) Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat
f) Sistem Kompaun Kebersihan
g) Sistem Surat Kakitangan
h) Transaksi Perkhidmatan Dalam Talian
i) Sistem Cuti
j) Sistem Kehadiran
k) Sistem AIMS – Audit Dalam

2.3 Mengkoordinasi pembangunan dan penyelenggaraan sistem-sistem oleh vendor seperti yang disenaraikan di bawah :

a) Sistem Klinik Panel
b) Sistem Aduan Ahli Majlis
c) Sistem Kalendar Mesyuarat
d) Sistem Sewa Gerai
e) Sistem Semakan Kompaun Letak Kereta (Laman Web)
f) Sistem Sewa Gerai
g) Sistem Pengurusan Kutipan (Perbendaharaan)
h) Sistem iDirektori
i) Sistem e-Mesyuarat
j) Sistem Pengurusan Kutipan (Pelesenan)

3. Menghasilkan paparan video dengan tajuk-tajuk berikut :
   a) Program Friendship City Di Antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan Bandar Metropolitan Gwangju, Korea
   b) Keselamatan - Cara-cara pengusian bangunan
   c) Paparan 5S untuk makluman pengguna

4. Pengurusan paparan TV di Lobi :
   a) Merekabentuk dan mengemaskini maklumat dari masa ke semasa
   b) Memantau paparan tv setiap hari supaya tiada masalah yang timbul

5. Pengurusan Emel Kakitangan dan Ahli-Ahli Majlis
   a) Mengurus sejumlah 530 'Mailbox' merangkumi pendaftaran kakitangan/ahli majlis baru, menambah kapasiti 'mailbox' dan menghapus 'mailbox' kakitangan/ahli majlis yang telah tamat perkhidmatan

6. Membuat salinan (Backup) data dan sistem aplikasi seperti berikut :
   a) 'Daily Backup' – salinan data dilakukan setiap hari secara automatik ke dalam 'tape' dan dihantar setiap hari ke Bank.
   b) 'Full Backup' – salinan data dilakukan sebulan sekali secara manual ke dalam 'tape' dan dihantar ke Bank.
   c) Salinan sistem aplikasi dilakukan setiap hari secara otomatik ke 'Synology Backup Server'.

7. Penyelenggaraan Server Pangkalan Data Majlis, HP RX 2620 (Oracle) bagi memastikan ianya dapat beroperasi sepanjang masa.
   a) Mengadakan kontrak penyelenggaraan server dengan pihak vendor
   b) Pemantauan sentiasa dibuat agar ianya berfungsi dengan baik setiap masa

8. Merekabentuk kad-kad perayaan, 'banner' dan 'backdrop' untuk YDP, SU dan jabatan-jabatan.

9. Membuat pendaftaran maklumat harta majlis (Harta Modal Dan Harta Inventori).

10. Memasukkan semua maklumat dalam Sistem Kontrak dan Bekalan untuk Sebutharga/ Tender yang berkaitan dengan Bahagian Teknologi Maklumat

JABATAN UNDANG-UNDANG



JABATAN UNDANG-UNDANG

Pengenalan Jabatan Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang merupakan salah satu daripada 15 jabatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Ianya bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk MPSP, seterusnya menguatkuasa undang-undang di dalam kawasan pentadbiran MPSP termasuklah mengeluar kompaun dan mengambil tindakan mahkamah.

Latar Belakang

Jabatan Undang-Undang adalah salah sebuah komponen jabatan yang terpenting di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Jabatan ini telah diwujudkan pada tahun 1973 yang dikenali sebagai Bahagian Undang-Undang, terletak di bawah pentadbiran Sekretariat.

Pada Julai 1974, Bahagian Undang-Undang telah dibentuk menjadi satu jabatan berasingan daripada Bahagian Sekretariat yang kini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang.

Pembentukan Jabatan Undang-Undang menjadi satu jabatan yang berasingan ini adalah ekoran percantuman tiga buah Majlis Daerah yang terdapat di Seberang Perai ini iaitu Majlis Daerah Utara, Tengah dan Selatan, yang kemudiannya telah diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 15 Disember 1976.

Dari tahun 1976 sehingga 1998, Jabatan Undang-Undang mempunyai beberapa unit lain di bawah pentadbirannya seperti Bahagian Merinyu Timbang dan Sukat, Unit Penguatkuasa dan Unit Keselamatan, tetapi mulai 1 Mac 1998, Jabatan Undang-Undang telah menjadi sebuah jabatan yang khusus mengendalikan hal-ehwal undang-undang sahaja tanpa ketiga-tiga bahagian di atas.

Pada 3 Januari 2006 Bahagian Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan termasuk sebahagian Jabatan Undang-Undang. Pada masa tersebut, Jabatan Undang-Undang diketuai oleh seorang Pengarah dan mempunyai seramai seratus tujuh puluh lapan orang kakitangan yang terdiri daripada dua orang Penolong Pengarah, dua orang Pembantu Undang-Undang, seorang Penolong Pegawai Tadbir, tiga orang Penolong Pegawai Penguatkuasa, tujuh orang Pegawai Kerani, seratus empat puluh satu Pembantu Penguatkuasa (Polis Bantuan seramai dua puluh sembilan orang), sembilan belas orang Pengawal Keselamatan, seorang Jurutaip, dua orang Penghantar Notis dan seorang Pembantu Am Rendah.

Mulai 1 Julai 2010, Bahagian Penguatkuasa dan Keselamatan dikeluarkan dari Jabatan Undang-Undang. Polis Bantuan dikekalkan di Jabatan Undang-Undang. Kini Jabatan Undang-Undang hanya mengendalikan hal-ehwal perundangan dan urusan polis bantuan sahaja. Terdapat lima unit di bawah pentadbiran Jabatan Undang-undang iaitu Bahagian Pentadbiran, Pendakwaan, Gubalan, Nasihat dan Polis Bantuan.

Fungsi Jabatan

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk Majlis, menyemak semua dokumen perundangan dan surat perjanjian serta menguatkuasakan undang-undang di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Antara tugas lain di Jabatan Undang-Undang ialah menyelaras kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MPSP, urusan keselamatan MPSP dan bantuan prosiding Mahkamah Munisipal serta urusan kawalan lalulintas dan keselamatan di majlis-majlis rasmi anjuran Kerajaan Negeri dan MPSP.

Objektif Jabatan

Memastikan warga Seberang Perai benar-benar mengetahui, memahami, mematuhi, menghargai dan menghormati undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai.

i. Undang-Undang/peraturan yang digunapakai :

- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Perancangan Bandar & Desa 1976
- Akta Makanan 1983
- Akta Pengangkutan Jalan 1987
- Akta Zon Bebas 1990

UNDANG-UNDANG KECIL YANG TELAH DIWARTAKAN

- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-setal, Kerajaan Tempatan, Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977
- Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
- Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1982
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990
- Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan Dan Tatatertib) 1995

PERINTAH-PERINTAH YANG TELAH DIWARTAKAN
DI BAWAH AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

- Perintah Majlis Perbandaran Seberang Perai, Padang Kereta (Peruntukan Am) 1983
- Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1995

Unit Pentadbiran

Organisasi Unit Pentadbiran

Unit Pentadbiran terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Tadbir Kanan, dua orang Penolong Pegawai Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Kanan dan dibantu oleh empat orang Pembantu Tadbir.

Tugas-Tugas Unit Pentadbiran :

Unit ini ditugaskan menguruskan pentadbiran am Jabatan termasuklah :

- Menyelaraskan kes-kes sivil terhadap dan oleh MPSP,
- Melantik panel peguam Majlis,
- Menguruskan inventori Jabatan,
- Menyelenggara rekod cuti dan tatatertib kakitangan Jabatan Undang-undang dan Mahkamah Munisipal,
- Menguruskan bil-bil Jabatan,
- Menguruskan belanjawan Jabatan,
- Mengendalikan aduan Jabatan,
- Mengurus dan menyelenggara fail-fail Jabatan,
- Memantau pelaksanaan Piagam Pelanggan dan Kualiti Jabatan,
- Membuat semakan perjanjian di bawah pemantauan Unit Gubalan Dan Nasihat
- Merekod dan menyimpan dokumen perjanjian yang sempurna.

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian prestasi semua proses kerja yang telah dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran bagi Tahun 2014 :-

BIL	PERKARA	JUMLAH	
		Tahun	
		2013	2014
1.	Menyelenggara rekod cuti serta disiplin dan tatatertib untuk kakitangan Jabatan Undang-Undang termasuk Mahkamah.	1525 rekod	1767 rekod
2.	Menguruskan inventori # Penyelenggaraan pengurusan stok	829 urusan	792 urusan
3.	Mengurus bil-bil bayaran perbelanjaan Jabatan # Bayaran penginapan dan pengangkutan Pegawai # Bayaran pembelian buku, warta, majalah, dokumen perundangan # Kes-kes rujukan otoriti # Penyelenggaraan sistem “online” perundangan (Lawnet, MLJ & CLJ) # Pembayaran kepada Pembekal	92 bil	70 bil

4.	Mengurus fail-fail aktif Jabatan # Ambil fail # Rekod minit # Tentukan jenis fail	752 fail	817 fail
5.	Surat-menyurat (surat keluar dan surat masuk) dan jawapan	8,047 surat	8,553 surat
6.	Menguruskan aduan melalui Sistem Aduan MPSP dan surat	16 kes	27 kes
7.	Merekod dan menyimpan dokumen perjanjian yang telah dimuktamadkan	108 dokumen	144 222 dokumen
8.	Laporan butiran belian minyak (sebulan sekali)	12 kali (RM67,589.06)	12 kali (36,565.57)
9.	Penyediaan kronologi kes sivil	14 kes	15 kes
10.	Menguruskan kes-kes cukai taksiran # 8 orang panel peguam	474 kes (Ditangguh sehingga arahan selanjutnya oleh Pengarah Perbendaharaan)	5 kes (yang diteruskan dengan tindakan mahkamah) / lain-lain kes tunggu arahan Jabatan Perbendaharaan
11.	Menguruskan panel peguam MPSP	7 firma	11 firma
12.	Maklumbalas mesyuarat	81 maklumbalas	152 maklumbalas
13.	Menyemak semua dokumen perjanjian dan semua transaksi yang dibuat oleh MPSP dengan pihak ketiga	79 kes	217 kes

Pada tahun 2014, unit ini telah menerima sebanyak 144 perjanjian untuk disemak dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 100% semakan perjanjian.

Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan
Bulan Januari Hingga Disember 2014

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap		Belum Siap		% Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
1.	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh **14 hari** (Perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 12 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem)	144	132	-	12	-	100%

Unit Gubalan Dan Nasihat

Tugas-Tugas Unit Gubalan dan Nasihat

1. **Pewartaan** undang-undang kecil, bajet MPSP, penyata kewangan tahunan dan laporan audit MPSP, cagaran yang tidak dituntut, notis dan pemberitahuan.
2. **Meminda, mengubal dan memansuhkan** undang-undang kecil, peraturan, perintah, kaedah, notis dan pemberitahuan.
3. **Mendraf, menyediakan dan/atau menyemak dokumen perjanjian.**
4. Memberi **nasihat perundangan** kepada MPSP.

C. Pencapaian Unit Gubalan dan Nasihat Bagi Tahun 2014

Jadual berikut menyenaraikan pencapaian Unit Gubalan dan Nasihat bagi tahun 2014.

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	NOTIS TUNTUTAN ▫ Tuntutan Bayaran Gaji / Bonus Terlebih Bayar (30)	30
2.	NOTIS PEWARTAAN PELUPUSAN KENDERAAN RAMPASAN	-
3.	NOTIS TUKARGUNA BANGUNAN (BORANG)	-
4.	SURAT-SURAT KUASA ▫ Surat Kuasa Di Bawah Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Sek. 5) – Jabatan Direktorat Penguatkuasaan (1) ▫ Surat Kuasa Di Bawah UUK 2, Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan 1980 – Jabatan Bangunan (4)	5
5.	PEWARTAAN BAJET MPSP	1
6.	PEWARTAAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN DAN LAPORAN AUDIT MPSP	1
7.	PEWARTAAN KENDERAAN TIDAK DITUNTUT DARI MPSP ▫ Notis Di Bawah Seksyen 116, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bertarikh 14 Mac 2013	-
8.	PEWARTAAN TINDAKAN KELAKUAN DAN TATATERTIB KAKITANGAN MPSP ▫ -Tiada-	-
9.	PEWARTAAN NOTIS JALAN SEHALA DAN TUTUP JALAN ▫ Notis Di Bawah Perenggan 70(2) ▫ Warta Perintah (Lalulintas Sehala) Seberang Perai 2013 i. Jalan susur Jalan Bukit Minyak, Pusat Perniagaan Juru Jaya, SPT adalah dihadkan kepada jalan sehala dengan arah alirannya bermula dari persimpangannya dengan Lorong Juru 10 menuju ke persimpangannya dengan Lorong Juru 11. ▫ Notis Di Bawah Perenggan 70(2)(bb) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bertarikh 17 Januari 2013 i. Jalan susur Jalan Persekutuan Butterworth – Ipoh, Taman Panchor Indah, Nibong Tebal, SPS dihadkan kepada jalan sehala dengan arah alirannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta. ii. Taman Kerling, SPS dihadkan kepada jalan sehala dengan arah alirannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta. iii. Lorong Talang 8 dan Lorong Talang 9, Taman Mas, SPT adalah dihadkan kepada jalan sehala dengan arah alirannya sebagaimana ditunjukkan dalam peta. iv. Lorong Perniagaan 1, Pusat Perniagaan Alma, Bukit Mertajam, SPT adalah dihadkan kepada jalan sehala dengan arah alirannya sebagaimana ditunjukkan dalam peta. v. Jalan susur Jalan Raja Uda, Taman Mawar, SPU dihadkan kepada jalan sehala dengan arah alirannya sebagaimana ditunjukkan dalam peta. vi. Lorong Baiduri 1, Taman Baiduri, SPU adalah dihadkan kepada jalan sehala dan arah alirannya sebagaimana ditunjukkan dalam peta.	8

BIL	PERKARA	JUMLAH
10.	PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL MPSP ▭ Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai (Pindaan) 2014 i. Seberang Perai Tengah – 1 Kawasan Tempat Meletak Kereta ▭ Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai (Pindaan) No. 2 2014 i. Seberang Perai Tengah – 2 Kawasan Tempat Meletak Kereta ▭ Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai (Pindaan) No. 3 2014 i. Seberang Perai Utara – 3 Kawasan Tempat Meletak Kereta	4
11.	GUBALAN UNDANG-UNDANG KECIL MPSP ▭ Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing & Rumah Pembiakan Anjing (MPSP) 2014. i. Pindaan-pindaan serta penambahbaikan telah dilaksanakan ke atas UUK tersebut. UUK telah diluluskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Atasan pada bulan Mac 2015 dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pentadbiran & Kewangan.	1
12.	PENYEDIAAN PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MPSP 1. Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa 2 2. Jabatan Khidmat Pengurusan 10 3. Jabatan Perbendaharaan 2 4. Jabatan Kemasyarakatan 1 5. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta 15 6. Jabatan Pelesenan 25 7. Jabatan Kejuruteraan 5 8. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran 8 9. Jabatan Undang-Undang 0 10. Jabatan Bangunan 0 11. Direktorat Penguatkuasaan 0 12. Jabatan Perancang Bandar 1 13. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan 0 14. Jabatan Landskap 4 15. Bahagian Teknologi Maklumat 4 16. Unit Audit Dalaman 0 17. Unit One Stop Centre (OSC) 0	77
13.	KAWALAN DOKUMEN (DOKUMEN PERUNDANGAN) Pengesahan Dokumen Perundangan oleh Pengarah Undang-Undang untuk penggunaan 1. Jabatan Khidmat Pengurusan 39 2. Jabatan Bangunan 9 3. Setiausaha Perbandaran 3	51

BIL	PERKARA		JUMLAH
14.	NASIHAT PERUNDANGAN i. Kekerapan nasihat perundangan yang dicatit di sini hanya berdasarkan pandangan undang-undang yang diberikan secara bertulis dan direkodkan dalam fail. Ianya tidak termasuk pandangan yang diberikan secara terus (perbincangan/percakapan) di pejabat atau semasa mesyuarat.		51
	1. Jabatan Khidmat Pengurusan	-	
	2. Jabatan Perbendaharaan	7	
	3. Jabatan Kemasyarakatan	1	
	4. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	9	
	5. Jabatan Pelesenan	2	
	6. Jabatan Kejuruteraan	-	
	7. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	4	
	8. Jabatan Bangunan	8	
	9. Direktorat Penguatkuasaan	-	
	10. Jabatan Perancang Bandar	11	
	11. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	-	
	12. Pusat Sehenti (OSC)	-	
	13. Pejabat Tuan YDP/SUP	4	
	14. Korporat dan Perhubungan Antarabangsa	5	

Unit Pendakwaan

Visi

Memastikan setiap kes yang di hantar ke Jabatan Undang-Undang di daftar ke Mahkamah.

Misi

Menegak keadilan.

Objektif Pendakwaan

1. Memastikan semua kesalahan yang dilakukan diambil tindakan Mahkamah dengan adil dan saksama.
2. Menjalankan pendakwaan dengan sebaik mungkin tanpa menjejaskan kepentingan awam.
3. Mewujudkan sistem pendakwaan yang diukur dengan standard keadilan, akauntabiliti dan kecekapan.
4. Mempertingkatkan mutu perkhidmatan ke arah yang lebih dinamik, budaya kerja cemerlang dan bertanggungjawab.
5. Menyediakan maklumat yang diperlukan oleh orang ramai dengan cepat dan telus.

Aktiviti Utama Unit Pendakwaan

1. Menguatkuasakan undang-undang yang diterima pakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai;
2. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
3. Menyedia dan menyemak kertas aduan, pertuduhan dan saman.

Berikut adalah pencapaian prestasi dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Unit Pendakwaan sepanjang tahun 2013 dan 2014 :

DAFTAR KES LETAK KERETA

Bulan	2013	2014
Januari	99	458
Februari	336	405
Mac	70	315
April	293	442
Mei	174	354
Jun	85	361
Julai	383	362
Ogos	178	358
September	165	454
Oktober	394	381
November	639	445
Disember	630	408
JUMLAH	**3,446**	**4,743**

DAFTAR KES KERJA TANAH

Bulan	2013	2014
Januari	10	0
Februari	5	0
Mac	2	0
April	2	0
Mei	1	1
Jun	9	0
Julai	5	1
Ogos	7	1
September	6	0
Oktober	4	0
November	0	0
Disember	0	0
JUMLAH	**51**	**3**

DAFTAR KES PELESENAN

Bulan	2013	2014
Januari	0	24
Februari	4	16
Mac	0	5
April	2	5
Mei	1	5
Jun	2	0
Julai	2	12
Ogos	2	3
September	11	37
Oktober	0	31
November	0	6
Disember	0	28
JUMLAH	**24**	**172**

DAFTAR KES BANGUNAN

Bulan	2013	2014
Januari	2	0
Februari	2	1
Mac	8	1
April	0	6
Mei	1	1
Jun	0	0
Julai	0	0
Ogos	1	0
September	1	0
Oktober	0	1
November	0	0
Disember	0	2
JUMLAH	**15**	**12**

KOMPAUN KERJA TANAH 2013

Kompaun Dikeluarkan		Bayar		Tindakan Mahkamah	Batal
		Jumlah	RM		
2013					
Jan	4	4	8,500.00	6	-
Feb	5	5	14,000.00	10	-
Mac	-	-	-	5	1
April	2	2	1,500.00	2	4
Mei	5	5	10,000.00	2	-
Jun	-	-	-	1	-
Julai	1	1	2,000.00	9	-
Ogos	2	2	3,000.00	5	3
Sept	-	-	-	7	4
Okt	5	5	8,500.00	6	2
Nov	3	3	6,000.00	4	3
Dis	1	1	2,000.00	-	3
Jumlah	**28**	**28**	**55,500.00**	**57**	**20**

KOMPAUN KERJA TANAH 2013

Kompaun Dikeluarkan		Bayar		Tindakan Mahkamah	Batal
		Jumlah	RM		
2014					
Jan	-	-	-	-	-
Feb	-	-	-	-	-
Mac	-	-	-	2	-
April	-	-	-	-	-
Mei	-	-	-	1	-
Jun	-	-	-	-	-
Julai	-	-	-	1	-
Ogos	-	-	-	2	1
Sept	-	-	-	-	-
Okt	4	2	500.00	2	1
Nov	11	8	1,850.00	3	-
Dis	6	5	1,250.00	1	-
Jumlah	**21**	**15**	**3,600.00**	**12**	**2**

KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2013)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BYRN PINJ. (RM)	R'PASAN (RM)	KOMPAUN HALANGAN (RM)	KOMPAUN ENK. HIB (RM)	JUMLAH (RM)
JAN	2,060.00	8,500.00	-	-	12,000.00	-	-	22,560.0
FEB	3,090.00	14,000.00	-	-	8,000.00	-	-	25,090.0
MAC	1,460.00	-	-	-	6,000.00	250.00	-	7,710.00
APR	1,290.00	1,500.00	500.00	-	-	-	-	3,290.00
MEI	2,440.00	10,000.00	-	-	-	-	-	12,440.0
JUN	575.00	3,000.00	-	-	-	-	-	3,575.00
JUL	350.00	2,000.00	-	-	2,000.00	-	1,000.00	5,350.00
OGOS	350.00	3,000.00	-	100.00	4,000.00	-	-	7,450.00
SEP	1,620.00	-	-	-	-	-	-	1,620.00
OKT	1,970.00	8,500.00	-	-	-	-	500.00	10,970.0
NOV	1,680.00	6,000.00	-	-	9,000.00	-	-	16,680.0
DIS	2,520.00	2,000.00	-	285.15	-	-	-	4,805.15
JUM	19,405.00	58,500.00	500.00	385.15	41,000.00	250.00	1,500.00	121,540.

KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2014)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BYRN PINJ. (RM)	R'PASAN (RM)	KOMPAUN HALANGAN (RM)	KOMPAUN ENK. HIB (RM)	JUMLAH (RM)
JAN	2,090.00	10,000.00	-	-	2,000.00	-	-	14,090.00
FEB	3,230.00	4,000.00	-	100.00	6,000.00	-	-	13,330.00
MAC	4,580.00	4,000.00	-	-	-	-	-	8,580.00
APR	10,575.00	-	1,000.00	-	3,000.00	-	-	14,575.00
MEI	9,450.00	2,000.00	-	-	-	-	-	11,450.00
JUN	5,455.00	-	-	-	5,800.00	-	-	11,255.00
JUL	6,610.00	-	-	-	7,500.00	-	-	14,110.00
OGOS	5,780.00	-	-	-	-	-	-	5,780.00
SEP	6,525.00	-	-	50.00	3,000.00	-	-	9,575.00
OKT	10,340.00	-	-	-	-	-	-	10,340.00
NOV	8,540.00	1,750.00	-	-	-	-	-	10,290.00
DIS	8,315.00	1,750.00	-	-	-	-	-	10,065.00
JUM	81,490.00	23,500.00	1,000.00	150.00	27,300.00	-	-	133,440.0

JUMLAH KUTIPAN KEW. 38 BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

TAHUN	2013 (RM)	2014 (RM)
Letak Kereta	19,405.00	81,490.00
Kerja Tanah	58,500.00	23,500.00
Lesen	500.00	1,000.00
Bayaran Pinjaman	385.15	150.00
Rampasan	41,000.00	27,300.00
Komp. Halangan	250.00	-
Kompaun Enakmen Hiburan	1,500.00	-

Unit Polis Bantuan

Objektif Polis Bantuan

Menjalankan tugas kepolisian di mahkamah munisipal dan hal berkaitan dengan saman, waran tangkap serta menguatkuasakan undang-undang.

Penugasan

- Memastikan keselamatan dan etika mahkamah di patuhi;
- Melaksanakan penyerahan saman, sapina dan waran tangkap di Seberang Perai sebelum tarikh sebutan / perbicaraan yang di tetapkan;
- Menjalankan siasatan ke atas aduan mengenai bidang tugas Majlis Perbandaran Seberang Perai;
- Memproses kertas-kertas pertuduhan mahkamah iaitu Mahkamah 111, 114 dan 143;
- Mengawasi OKT semasa dalam Tahanan Sementara di Mahkamah Majistret (Munisipal);
- Menguatkuasakan Enakmen Hiburan dan Peraturan – Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) (Mengkompaun Kesalahan) 2001;
- Mengawal selia ketenteraman dan keselamatan semasa jabatan – jabatan lain mengambil tindakan penguatkuasaan;
- Menguatkuasakan kerja tanah;
- Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang di arahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.

Pencapaian Mengikut Unit

Unit Penyerahan Saman dan Waran Tangkap (Kes)

PENYERAHAN SAMAN			
BIL	**BULAN / TAHUN**	**2013**	**2014**
1	Januari	424	313
2	Februari	214	494
3	Mac	234	349
4	April	96	291
5	Mei	191	229
6	Jun	191	270
7	Julai	202	301
8	Ogos	159	278
9	September	227	354
10	Oktober	218	349
11	November	289	489
12	Disember	492	379
JUMLAH		**2937**	**4096**

PELAKSANAAN WARAN TANGKAP (KES)			
BIL	**BULAN / TAHUN**	**2013**	**2014**
1	Januari	22	17
2	Februari	27	7
3	Mac	22	44
4	April	30	29
5	Mei	21	32
6	Jun	14	51
7	Julai	18	38
8	Ogos	11	36
9	September	44	28
10	Oktober	14	33
11	November	12	11
12	Disember	22	17
JUMLAH		**257**	**343**

Unit Kerja Tanah

PENGUATKUASAAN KERJA TANAH			
BIL	**BULAN / TAHUN**	**2013**	**2014**
1	Januari	35	20
2	Februari	6	18
3	Mac	12	52
4	April	44	-
5	Mei	8	29
6	Jun	24	8
7	Julai	59	10
8	Ogos	1	19
9	September	32	27
10	Oktober	10	49
11	November	21	10
12	Disember	8	2
JUMLAH		**260**	**244**

Penguatkuasaan Pusat Hiburan

PENGUATKUASAAN KERJA TANAH			
BIL	**BULAN / TAHUN**	**2013**	**2014**
1	Januari	-	-
2	Februari	-	2
3	Mac	-	-
4	April	-	1
5	Mei	1	2
6	Jun	-	-
7	Julai	-	-
8	Ogos	-	-
9	September	1	1
10	Oktober	-	-
11	November	-	-
12	Disember	-	-
JUMLAH		**2 Ops**	**Ops**

Bantuan Keselamatan Kepada Jabatan

BIL	BULAN / TAHUN	2013	2014
1	Januari	14	15
2	Februari	7	17
3	Mac	18	17
4	April	10	18
5	Mei	8	13
6	Jun	11	23
7	Julai	24	6
8	Ogos	6	16
9	September	14	25
10	Oktober	18	20
11	November	13	23
12	Disember	20	32
JUMLAH		**163**	**195**

Pengiring

BIL	BULAN / TAHUN	2013	2014
1	Januari	16	15
2	Februari	18	11
3	Mac	25	6
4	April	21	16
5	Mei	5	7
6	Jun	16	5
7	Julai	13	5
8	Ogos	13	14
9	September	18	14
10	Oktober	10	13
11	November	15	19
12	Disember	15	11
JUMLAH		**185**	**136**

Senarai Gambar Aktiviti
Mahkamah




Operasi Pusat Hiburan



Operasi Pusat Hiburan



Parkir Haram



Kawalan Keselamatan



Operasi Kerja Tanah Haram



Operasi Kerja Tanah Haram



RUMUSAN

Prestasi dan proses kerja di Jabatan Undang-Undang sepanjang tahun 2014 adalah memuaskan dan berjalan lancar. Dengan wujudnya program transformasi MPSP, sikap dan perubahan positif pemikiran kakitangan secara radikal dalam Jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik telah diadaptasikan. Secara tidak langsung Jabatan telah berjaya mencapai objektif dan matlamat Jabatan dalam melaksanakan usaha meningkatkan maklumat perpustakaan ilmu masing-masing mengenai perundangan yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Langkah agresif telah dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang seiring dengan perlaksanaan program transformasi MPSP melalui kursus Tatacara Penguatkuasaan Berkesan, kursus Akta PBT dan program Bandar Selamat yang memuatkan slot percambahan fikiran berkenaan Akta PBT bersama warga kerja perbandaran serta warga Seberang Perai. Hasilnya, kepekaan dan kesedaran warga perbandaran dan warga Seberang Perai terhadap pematuhan undang-undang juga telah meningkat. Fenomena di atas berlaku kerana masyarakat telah memberi sambutan yang positif kepada penguatkuasaan undang-undang MPSP.

Berdasarkan rekod kesalahan yang acap kali dilakukan oleh warga Seberang Perai mendapati indeks kesalahan semakin berkurangan. Kesimpulannya kedaulatan undang-undang telah berlaku di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai.

JABATAN PERBENDAHARAAN



JABATAN PERBENDAHARAAN

Fokus Kewangan

Memulih dan mengukuhkan kedudukan kewangan
Pembudayaan inovasi dalam pengurusan kewangan
Fokus kepada outcome
Memastikan sumber kewangan mendapat *value for money*
Mengimbangi antara *financial deficit* dan *social gain*
Meningkatkan keupayaan kakitangan kewangan
Penggunaan ICT dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan

Pengenalan

Pengurusan Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perbendaharaan dan ia terdiri daripada dua (2) Bahagian iaitu Bahagian Perakaunan dan Hasil.

Visi

- Mentadbir dana Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan cekap dan berkesan.
- Memberi perkhidmatan sokongan yang terbaik dan berkualiti berteraskan teknologi terkini kepada program-program.

Misi

- Mengurus sumber-sumber kewangan Majlis mengikut Akta, Perintah Tetap, Pekeliling-Pekeliling dan Arahan-Arahan Pentadbiran.
- Membangunkan, mengemaskini dan menyenggara sistem pengurusan kewangan Majlis.
- Mengadakan sistem kawalan dalaman yang berkesan dalam mencegah kehilangan wang Majlis.
- Menyediakan laporan berkala (Kewangan dan Belanjawan) mengikut Akta dan Arahan-Arahan.

Objektif

- Mewujudkan program-program untuk menentukan peruntukan-peruntukan kewangan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Perintah Tetap dipatuhi.
- Membangunkan dan menyenggara sistem kewangan dan perakaunan sempurna untuk meliputi segala aktiviti Majlis termasuk Sistem Kawalan Dalaman yang mencukupi bagi mengelakkan kehilangan wang Majlis.
- Penyediaan laporan kewangan seperti yang digariskan oleh Akta, Arahan-Arahan dan piawaian-piawaian yang ditetapkan.
- Penyediaan bajet Majlis mengikut format dan masa yang ditetapkan.
- Kawalan Akaun-akaun Amanah yang diluluskan oleh Majlis.
- Memastikan rekod-rekod kewangan disimpan dengan baik dan teratur.

Piagam Pelanggan

1. Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan Januari bagi Penggal Pertama dan bulan Julai bagi Penggal Kedua tiap-tiap tahun.

2. Cek/EFT kepada pembekal akan dicetak/dipindahkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.

3. Bayaran cukai taksiran yang diterima adalah dikemaskini di paparan bil online seperti berikut: -
   a. Bayaran melalui Kaunter Ibu Pejabat MPSP - serta merta
   b. Bayaran melalui Laman Web MPSP, Agen Bank, TELEKOM, TNB & POS - 1 hari selepas transaksi
   c. Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - 3 hari selepas transaksi
   d. Bayaran melalui Kaunter Pejabat Cawangan MPSP - hari yang sama

4. Bayaran kompaun letak kereta yang diterima adalah dikemaskini di paparan semakan *online* seperti berikut: -
   a. Bayaran melalui Kaunter Ibu Pejabat MPSP - serta merta
   b. Bayaran melalui Laman Web MPSP, Agen Bank & POS - 1 hari selepas transaksi
   c. Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - 3 hari selepas transaksi
   d. Bayaran melalui Kaunter Pejabat Cawangan MPSP - hari yang sama

BIL.	PIAGAM	JUMLAH DITERIMA	DICAPAI	% DICAPAI
1.	Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan **Januari** bagi Penggal Pertama dan bulan **Julai** bagi Penggal Kedua tiap-tiap tahun.	406,735	406,735	100
2.	Cek/EFT kepada pembekal akan dicetak/dipindahkan dalam tempoh **14 hari** setelah dokumen yang lengkap diterima.	7,809	7,809	100
3.	Bayaran cukai taksiran yang diterima adalah dikemaskini di paparan bil online seperti berikut:-			
	• Bayaran melalui Kaunter Ibu Pejabat MPSP – serta merta.	72,498,358.48	72,498,358.48	100
	• Bayaran melalui Kaunter Pejabat Cawangan MPSP – hari yang sama.	30,113,551.10	30,113,551.10	100
	• Bayaran melalui Laman Web MPSP, Agen Bank, TELEKOM, TNB& POS – 1 hari selepas transaksi.	26,462,601.37	26,462,601.37	100
	• Bayaran melalui lain-lain agensi setempat – 3 hari selepas transaksi.	4,524,000.80	4,524,000.80	100

4.	Bayaran kompaun letak kereta yang diterima adalah dikemaskini di paparan semakan online seperti berikut:-			
	• Bayaran melalui Kaunter Ibu Pejabat MPSP – serta merta.	1,715,935.00	1,715,935.00	100
	• Bayaran melalui Kaunter Pejabat Cawangan MPSP – hari yang sama.	263,795.00	263,795.00	100
	• Bayaran melalui Agen Bank & POS – 1 hari selepas transaksi.	98,055.00	98,055.00	100
	• Bayaran melalui lain-lain agensi setempat – 3 hari selepas transaksi.	-	-	-

Laporan Pelaksanaan BPR Bagi Tahun 2014

BIL.	PROSES KERJA (SEBELUM BPR)	PROSES KERJA (SELEPAS BPR)	BIL. KES DITERIMA	BIL. KES DICAPAI	% DICAPAI
1.	Proses pengeluaran Notis E Taksiran mengambil masa selama 30 hari	Proses pengeluaran Notis E Taksiran mengambil masa selama 16 hari	136,107	136,107	100
2.	Proses bayaran balik cagaran mengambil masa selama 30 hari	Proses bayaran balik cagaran mengambil masa selama 7 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima di Kaunter Berpusat	3,244	3,244	100

Prestasi Kewangan MPSP Bagi Tahun 2014

RINGKASAN UMUM


MPSP telah membuat anggaran bajet defisit bagi tahun 2014 sebanyak RM27.41 juta. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2014, MPSP telah mencatatkan lebihan pendapatan sebanyak RM0.17 juta. Lebihan pendapatan bagi tahun 2014 adalah meliputi pendapatan dan perbelanjaan MPSP seperti berikut:-

KETERANGAN	ANGGARAN RM JUTA	SEBENAR RM JUTA
PENDAPATAN	206.09	210.70
PERBELANJAAN	233.50	210.53
(DEFISIT) / LEBIHAN	**(27.41)**	**0.17**



RINGKASAN PENDAPATAN

Pada keseluruhannya, pendapatan Majlis meningkat sebanyak 5.45% kepada RM210.70 juta pada tahun 2014 jika dibandingkan dengan tahun 2013 berjumlah RM199.81 juta iaitu dengan perbezaan RM10.89 juta. Hasil cukai merupakan komponen hasil utama sesebuah PBT terutamanya MPSP. Pada tahun kewangan 2014, hasil cukai meliputi 67.78% dari jumlah keseluruhan pendapatan MPSP. Manakala 27.71% dan 4.51% dari hasil pendapatan MPSP terdiri daripada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.





Ringkasan Perbelanjaan

Secara keseluruhannya, perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 6.83% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu dari RM197.07juta kepada RM210.53 juta dengan perbezaan sebanyak RM13.46 juta. Berikut adalah perbandingan prestasi perbelanjaan Majlis bagi tahun 2013 dengan tahun 2014: -

PERBELANJAAN MENGIKUT ITEM	2014 RM JUTA	2013 RM JUTA
EMOLUMEN	69.63	69.58
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	16.32	12.42
PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI	36.73	49.61
PERKHIDMATAN IKHTISAS & PERKHIDMATAN LAIN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI	69.89	45.24
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN	1.09	0.95
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN & HARTA MODAL	4.15	2.98
PERBELANJAAN LAIN	12.72	16.29
JUMLAH	**210.53**	**197.07**


PRESTASI PERBELANJAAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2014
RM JUTA
250
200
150
100
50
0
143.27
142.83
144.63
160.06
174.42
197.07
210.53
2008
2009
2010
2011
2012
2013
2014
TAHUN


KEDUDUKAN TUNAI DARI TAHUN 2008 HINGGA 2014
RM JUTA
160
140
120
100
80
60
40
20
0
20.22
53.68
89.55
117.08
151.73
147.15
153.19
2008
2009
2010
2011
2012
2013
2014
TAHUN

Tunggakan Terkumpul Cukai Taksiran



Carta tersebut menunjukkan bahawa tunggakan terkumpul cukai taksiran bagi tahun 2014 telah meningkat sebanyak 3.62% iaitu RM0.79 juta jika dibandingkan dengan tahun 2013. Peningkatan ini adalah disebabkan terdapat empat (4) buah bangunan komersial yang terbiar dan tidak beroperasi iaitu Megamal, Plaza Utama, Kompleks Perniagaan Maju dan Kompleks Asas Murni. Walau bagaimanapun, pelbagai tindakan telah diambil bagi mengutip tunggakan bangunan-bangunan tersebut seperti tindakan perundangan dan penyemakan status pemilik di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).



Aktiviti-Aktiviti Jabatan Perbendaharaan
Sepanjang Tahun 2014

Operasi Waran Tahanan Pada
Bulan Mei, Jun, Oktober & November 2014









Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 Pada
Bulan November dan Disember 2014



JABATAN PERANCANG BANDAR



JABATAN PERANCANG BANDAR

PENGENALAN



Jabatan ini memainkan peranan penting dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 (Akta A993), 2001 (Akta A1129) dan 2007 (Akta A1313) bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.

VISI JABATAN

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif.

MISI JABATAN

Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.

FUNGSI JABATAN

Fungsi Jabatan Perancang Bandar adalah seperti berikut :

i. Merancang dan mengawal pembangunan di Seluruh Seberang Perai selaras dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah.

ii. Menjalankan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

iii. Mengurus penyediaan Rancangan Pemajuan.

iv. Memberi nasihat berkaitan bidang perancangan kepada orang awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 4 bahagian dan 1 unit iaitu seperti berikut :

- Bahagian Kawalan Pembangunan
- Bahagian Penguatkuasaan & Pelesenan
- Bahagian Rancangan Pemajuan
- Bahagian Pusat Setempat (OSC)
- Unit Pentadbiran

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN



Bahagian Kawalan Pembangunan di jabatan dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan Daerah SPU, SPT dan SPS. Fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah seperti berikut:

- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan.
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah.
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlinkungan Semula dan lain-lain yang berkaitan.

Aktiviti yang telah dijalankan :-

Sejak tahun 2008 hingga bulan Disember 2014 terdapat sebanyak 2401 permohonan yang telah diterima oleh pihak jabatan. Dari jumlah tersebut 1599 (66.6%) merupakan permohonan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan dan 802 (33.40%) adalah permohonan pelan pecahan sempadan/cantuman tanah, penyerahan dan pemberian milik semula tanah seperti Jadual 2.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA TAHUN 2008-2014

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/ CANTUMAN TANAH/ PENYERAHAN DAN PEMBERIAN MILIK SEMULA	JUMLAH
2008	127	77	204
2009	170	90	260
2010	206	102	308
2011	247	150	397
2012	295	125	420
2013	268	153	421
2014	286	105	391
JUMLAH	**1,599**	**802**	**2,401**

JADUAL : 2

Sementara permohonan yang telah diberi kelulusan adalah sebanyak 1255 yang terdiri daripada 748 (59.6 %) pelan kebenaran merancang dan 507 (40.4 %) pelan pecahan sempadan/cantuman tanah seperti Jadual 3.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2008-2013

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/ CANTUMAN TANAH	JUMLAH
2008	92	69	161
2009	172	94	266
2010	204	56	260
2011	92	110	202
2012	116	79	195
2013	72	99	171
2014	87	74	161
JUMLAH	**835**	**581**	**1416**

JADUAL : 3

Berdasarkan trend permohonan seperti di ***Jadual 2*** dan ***Jadual 3*** didapati bilangan permohonan yang diterima dan yang diluluskan bagi permohonan kebenaran merancang telah meningkat berbanding tahun–tahun sebelumnya. Peningkatan ini memberi petanda bahawa penawaran terhadap pembangunan khususnya dalam sektor perumahan semakin bertambah di kawasan Seberang Perai.

BAHAGIAN R & D DAN PENGUATKUASAAN

Selain dari mengawal pembangunan bagi memastikan ianya terancang, Jabatan Perancang Bandar juga memainkan peranan untuk menguatkuasakan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melalui Bahagian R & D dan Penguatkuasaan. Di antara fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah :

- Menyediakan & mengemaskini garis panduan perancangan & dasar – dasar perancangan.
- Memberi ulasan terhadap permohonan lesen - lesen perniagaan am dan industri di seluruh Seberang Perai.
- Memberikan ulasan terhadap lesen pengilang kepada pihak MIDA / MITI.
- Menjalankan lawatan tapak untuk menyiasat dan mengenalpasti aktiviti – aktiviti pembangunan yang dijalankan tanpa kebenaran atau menyalahi syarat – syarat kelulusan yang diberikan di seluruh Seberang Perai.
- Menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan kepada aduan – aduan yang diterima di seluruh Seberang Perai.
- Melaksanakan penguatkuasaan terhadap perubahan matan terhadap bangunan dan tanah tanpa kebenaran atau premis – premis yang menyalah guna kegunaan bangunan *(Change of use)* dan menyediakan laporan dan kertas pendakwaan terhadap tertuduh kepada Jabatan Undang – undang.
- Memberikan ulasan terhadap permohonan pembinaan papan tanda kepada Jabatan Kejuruteraan.
- Menyelaraskan hal – hal berkaitan dengan maklumat RIBI kepada Jawatankuasa Mesyuarat RIBI negeri Pulau Pinang.
- Menjalankan kajian berkaitan keperluan perancangan dari semasa ke semasa seperti kediaman kepada perniagaan bagi sesuatu kawasan.
- Menyediakan pelan dan maklumat yang berkaitan bagi pembangunan atau menaik taraf harta majlis seperti cadangan pasar awam dan sebagainya.
- Menyelaras dan mewakili jabatan dalam Jendela Pelanggan yang diadakan setiap bulan.

JUMLAH NOTIS PENGUATKUASAAN YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN 2013

DAERAH	BORANG D	BORANG E	BORANG F	BORANG I	BORANG G
SPU	0	4	1	1	0
SPT	3	13	1	1	2
SPS	1	2	1	0	1
JUMLAH	**4**	**19**	**3**	**2**	**3**

Diantara garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2014 adalah :

- Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Penempatan Pekerja Asing.
- Garis Panduan Pembangunan Projek Akuakultur di Seberang Perai.
- Garis Panduan Permohonan Binaan Tambahan di Seberang Perai.
- Garis Panduan Permohonan Kebenaran Merancang Pusat Jualan Kenderaan Terpakai di Seberang Perai.
- Garis Panduan Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin.
- Garis Panduan Pusat Jagaan Warga Tua.
- GP Eco-City Batu Kawan

Manakala empat dasar perancangan yang telah diluluskan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut :

- Dasar Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Perniagaan di Jalan Binjai, Taman Sri Rambai
- Dasar Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Perniagaan di Lebuh Nangka 1 & 2, Taman Desa Damai
- Dasar Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Perniagaan di Hadapan Jalan Rozhan, Taman Hwa Seng
- Dasar Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Perniagaan di Jalan Nagasari 1, Taman Nagasari

BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2005-2020(RTD SPU).

2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2006-2020(RTD SPT).

3. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2009-2020(RTD SPS).

4. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah.

5. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu GIS Map Browser, e-OSC, EIS SPT dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.

6. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain.

7. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.

8. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampanan Bandar-bandar di Malaysia - MURNInet secara online melalui laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

9. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan-rancangan pemajuan, garis panduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam Sistem e-Dasar MPSP.

10. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara 'online' melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my. Melalui sistem GIS ini, terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu GIS Mapbrowser, Draf RTD Seberang Perai Utara, Draf RTD Seberang Perai Tengah dan Draf RTD Seberang Perai Selatan serta boleh membuat fungsi carian lot, pengezonan dan sebagainya.

11. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data Spatial (basemap) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data daripada jabatan-jabatan lain. Walau bagaimanapun projek ini masih belum dapat direalisasikan memandangkan kekosongan jawatan juruteknik (pelukis pelan) masih belum diisi.

12. Memaparkan maklumat guna tanah secara grafik menggunakan konsep 'layer' dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.

13. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan jabatan dalaman MPSP. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.

14. Menyediakan ulasan teknikal terhadap permohonan pelingkungan semula yang diterima daripada JPBD Negeri Pulau Pinang.

15. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Perkhidmatan diberi secara serta merta dengan surat pengesahan. Pada sepanjang tahun 2014 sebanyak 1840 pelanggan telah datang ke bahagian ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

16. Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan kepada RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2014 sebanyak 858 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 226, SPT = 389 dan SPS = 243.

17. Jualan pelan kepada pihak awam, swasta, pelajar dan lain-lain lagi merupakan antara perkhidmatan yang disediakan dan pada tahun 2014 catatan jualan pelan yang dijual berjumlah RM 6060.

18. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendigit semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut *'base plan'* berkoordinat cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 217 buah skim telah di digit dan 55 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengkelasan jenis pembangunan telah di digit ke dalam pangkalan data GIS. Masih terdapat banyak pelan yang belum selesai diproses kerana kekosongan 2 pelukis pelan yang masih belum diganti.

LAPORAN STATUS PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH TAHUN 2014
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
RTD SPU	26,137	2005	2008	Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam	700,000	1,500,000	2,200,000	Perunding Permai Sdn.Bhd	Mesyuarat Majlis Penuh: 30 Mei 2008 Mesy J/Kuasa Perancang Negeri: 31 Jan 2011 Publisiti Awam telah diadakan pd 15 Mac-19 April 2012 Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam. Sesi Pertama: 26 Nov - 9 Dec 2013 Bentang kepada Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan - 5 Jun 2014. Disahkan dalam Majlis Penuh Bil 480 (6/2014) 27 Jun 2014. Draf RTD SPU perlu dipinda berdasarkan kepada keputusan JPN terhadap Syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan - Mesyuarat JPN -12 Sept 2014

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
RTD SPT	23,799	2006	2009	Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam	710,000	1,419,630	2,129,630	Jururancang Gemilang Sdn Bhd	Mesy. Majlis Penuh: 31 Mei 2010 Mesy.J/Kuasa Perancang Negeri: 16 Mei 2011 Publisiti Awam telah diadakan pd 15 Mac-19 April 2012 Siasatan Tempatan & Pendengaran Publisiti Awam telah diadakan pd 15 Mac 19 April 2012 Siasatan Tempatan & Pendengaran Awam. Sesi Pertama: 26 Nov - 9 Dec 2013 Bentang kepada Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan - 5 Jun 2014. Disahkan dalam Majlis Penuh Bil 480 (6/2014) 27 Jun 2014. Mesyuarat JPN pada 30 Sept 2014 - Draf Akhir RTD SPT telah ditangguhkan bagi menyediakan kaedah perlaksanaan RT dengan lebih Dinamik, Organik dan fleksible untuk digunakan.
RTD SPS	24,334	2008	2010	Semakan Semula Draf Akhir	600,000	1,200,000	1,800,000	RNR PLANNING	J/Kuasa Perancangan, Pembangunan & Pengindahan 19 Sept 2011 Tangguh sehingga RSNPP Pengubahan disiapkan
JUMLAH	74,270				2,010,000	4,119,630	6,129,630		

JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

JENIS PERKHIDMATAN	TUGAS	HASIL KERJA TAHUN 2014
Sistem Mesyuarat e-OSC	-Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC, -Memastikan sistem boleh dicapai secara *'online'* sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini.	267 Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan telah dikemaskini. Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my/osc
Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) RTD	Memastikan pembangunan sistem mengikut standard yang ditetapkan.	EIS RTD SPT telah siap dan sedia untuk kegunaan melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my/eis
Sistem GIS Map Browser	Memastikan sistem boleh dicapai secara *'online'* sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini.	Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan sistem boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my Maklumat yang telah dimuatnaik ke dalam sistem ialah: - Peta Cadangan RTD SPU - Peta Cadangan RTD SPT - Peta Cadangan RTD SPS - Kawasan Pembersihan MPSP mengikut Parlimen - Maklumat Infrastruktur Kemudahan Awam
Surat Pengesahan Zoning	Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama.	Sebanyak 858 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU : 226, SPT : 389 dan SPS : 243 dan jumlah pelanggan seramai 1840 orang.
Cetakan pelan dan data perancangan untuk jualan dan kegunaan jabatan dalaman MPSP	Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan.	Sebanyak lebih kurang **422** permohonan pelan daripada pihak swasta dan jabatan dalaman MPSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak **RM 6060**
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan di digit dengan menggunakan aplikasi GIS.	217 buah skim pembangunan telah di digit dan 55 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengkelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS. Masih terdapat banyak pelan yang belum selesai diproses kerana kekosongan 2 pelukis pelan yang masih belum diganti.

BAHAGIAN URUSETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)

LATAR BELAKANG

Unit Urusetia Pusat Setempat (OSC) telah ditubuhkan di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 13 Jun 2007 selaras dengan pelancarannya oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan pada 13 April 2007. Pada 13 April 2014, Unit OSC MPSP telah pun menjangkau usia 7 tahun.



Kaunter OSC ditempatkan di bahagian kaunter pusat di dalam bangunan MPSP, Bandar Perda.

Objektif utama penubuhan Unit OSC adalah bagi memendekkan norma masa memproses permohonan pemajuan tanah berdasarkan kepada prosedur memproses yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Unit OSC, MPSP ditempatkan di bahagian Kaunter Pusat, tingkat G dengan jumlah kakitangan seramai 14 orang. Peranan dan tugas Unit OSC adalah untuk menyemak dokumen permohonan, menerima permohonan yang lengkap, merekod permohonan, mengedarkan permohonan kepada jabatan yang memproses dan jabatan/ agensi teknikal, memantau status permohonan dan melaporkan status permohonan kepada KPKT setiap bulan melalui Portal OSC.

Selain itu, khidmat nasihat dari aspek tatacara mengemukakan permohonan dan keperluan dokumen turut diberikan kepada juruperunding dan pemohon bagi membantu memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap beserta dokumen-dokumen yang diperlukan mematuhi Template Seragam Senarai Semak Dokumen Agensi Teknikal Luaran dan Agensi Teknikal Dalaman yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil.3 dan Bil.4 Tahun 2011.

Borang-borang dan senarai semak permohonan, boleh di muat turun melalui laman web http://www.mpsp.gov.my.

PERMOHONAN-PERMOHONAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA

Permohonan-permohonan pelan pembangunan yang diterima melalui Unit OSC melibatkan lima jabatan memproses iaitu Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap dan Pejabat Tanah dan Daerah.

JADUAL 4.4.1 : JENIS PERMOHONAN YANG DITERIMA MENGIKUT JABATAN


JABATAN MEMPROSES	JABATAN PERANCANG BANDAR	JABATAN KEJURUTERAAN	JABATAN BANGUNAN	JABATAN LANDSKAP	PEJABAT TANAH DAN DAERAH
JENIS PERMOHONAN	1. Permohonan Pelan Kebenaran Merancang 2. Permohonan Pecah Sempadan/ Cantuman/ Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula	1. Permohonan Pelan Kerja Tanah 2. Permohonan Pelan Jalan Dan Perparitan 3. Permohonan Pelan Lampu Jalan	1. Permohonan Pelan Bangunan . Permohonan Baru . Permohonan pindaan dan tambahan selain rumah kediaman	1. Permohonan Pelan Landskap	1. Permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula (204D KTN) (Serentak) 2. Permohonan Pecah Sempadan dan Ubah Syarat Tanah (124 A KTN) (Serentak)

Jadual 4.4.2 menunjukkan jumlah permohonan yang diterima melalui Unit OSC mengikut tahun dari tahun 2007 hingga tahun 2014. Jumlah keseluruhan permohonan yang diterima melalui Unit OSC dari tahun 2007 hingga tahun 2014 sebanyak 10202 permohonan.

JADUAL 4.4.2 : JUMLAH PEMOHONAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN YANG ITERIMA DI UNIT OSC MENGIKUT TAHUN DARI 13 JUN 2007 HINGGA 31 DISEMBER 2014

BIL	JENIS PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT TAHUN								JUMLAH
		2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
1	Permohonan Kebenaran Merancang	62	145	214	396	425	352	285	331	**2210**
2	Permohonan Pecah Sempadan/ Cantuman/ Penyerahan dan Pemberimilikan Semula	53	82	78	87	133	87	102	62	**684**
3	Permohonan Pelan Landskap	52	80	63	67	81	100	88	77	**608**
4	Pelan Kerja Tanah	81	146	135	110	132	125	154	163	**1046**
5	Pelan Jalan dan Parit	92	270	207	211	246	319	338	415	**2098**
6	Pelan Lampu Jalan	42	74	73	64	84	107	119	126	**689**
7	Pelan Bangunan	90	240	257	302	371	404	443	631	**2738**
8	Permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula (204D KTN) (Serentak)	0	1	3	12	16	15	26	24	**97**
9	Permohonan Pecah Sempadan dan Ubah Syarat Tanah (124 A KTN) (Serentak)	1	2	5	4	8	5	3	4	**32**
	JUMLAH	**474**	**1040**	**1035**	**1253**	**1496**	**1514**	**1558**	**1833**	**10202**

CARTA 4.4.1 : PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA MENGIKUT TAHUN DARI TAHUN 2007 HINGGA TAHUN 2014



Carta 4.4.1 menunjukkan perbandingan jumlah permohonan yang diterima mengikut tahun dari tahun 2007 hingga 2014. Pada tahun 2007, data yang direkodkan adalah rendah kerana penubuhan Unit OSC adalah pada tarikh 13 Jun 2007. Bagi tahun 2008, keseluruhan permohonan yang direkodkan adalah sebanyak 1040. Tahun 2009 menunjukkan sedikit penurunan namun tidak begitu ketara berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, peningkatan penerimaan permohonan mula dilihat bagi tahun 2010 sehingga tahun 2014 yang menunjukkan peningkatan penerimaan permohonan dengan perbezaan 580 permohonan.


Jika dirujuk semula kepada jadual 4.4.2, jenis permohonan yang mencatatkan peningkatan bagi tahun 2014 adalah melibatkan permohonan Pelan Kebenaran Merancang (PKM), Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan.

Jumlah permohonan yang meningkat ini akan menjadi cabaran kepada jabatan-jabatan yang memproses dalam memastikan permohonan-permohonan yang diterima dapat diselesaikan dalam tempoh piagam yang telah ditetapkan oleh KPKT.

PENCAPAIAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2014

- Menerbitkan Laporan Tahunan, Buletin dan risalah-risalah berkaitan dengan Majlis dan kalendar tahunan.
- Menjadi Sekretariat LA21.
- Mengendali majlis-majlis rasmi MPSP.
- Menyelaras keratan akhbar dan semua hal berkaitan akhbar.

Lawatan dan Kunjungan

Sepanjang tahun 2014, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima lawatan dan kunjungan hormat dari 5 PBT, 1 IPTA dan 1 sekolah kebangsaan. Secara keseluruhan, MPSP telah menerima seramai 231 orang pelawat sepanjang tahun 2014. Kebanyakan kunjungan dan lawatan adalah untuk mempelajari (*benchmark*) dan juga membeli sistem-sistem yang diguna pakai di Majlis contohnya Sistem Kewangan dan Cukai Taksiran, Sistem Penilaian dan sebagainya. Bagi IPTA dan sekolah kebangsaan pula lawatan adalah bertujuan untuk memahami dan mempelajari kaedah pengurusan hartanah yang diguna pakai oleh MPSP ***dan*** mempelajari serba sedikit mengenai program kitar semula.

Statistik Lawatan ke MPSP bagi tahun 2014

Bil	Bulan	Bil Agensi	Jumlah Pelawat
1.	Februari	0	0
2.	Mac	0	0
3.	April	3	98
4.	Mei	2	61
5.	Jun	0	0
6.	Julai	0	0
7.	Ogos	1	80
8.	September	1	40
9.	Oktober	1	6
10.	November	0	0
11.	Disember	0	0
Jumlah		**8**	**279**



Graf Menunjukkan Lawatan Yang Diterima pada Tahun 2014

Pengurusan dan Penyelenggaraan Kompleks-Kompleks Sukan MPSP

Majlis mempunyai 6 buah kompleks sukan dan dewan seperti di bawah dimana diuruskan oleh Jabatan Kemasyarakatan iaitu :

- Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas
- Kompleks Sukan & Rekreasi Sony, Seberang Jaya
- Kompleks Sukan Jalan Betek, Bukit Mertajam
- Kolam Renang Awam Seberang Jaya
- Dewan Milenium, Kepala Batas (diswastakan kepada PDC Setia Urus)
- Dewan Dato' Hj Ahmad Badawi, Butterworth

Kompleks dan Dewan yang Disediakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)








Penggunaan Kemudahan Sukan MPSP Bagi Tahun 2014

KEMUDAHAN	BILANGAN PENGGUNAAN
Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi	*157*
Kompleks Sukan MPSP Bertam	*1888*
Kompleks Sukan dan Rekreasi SONY	*1007*
Kompleks Sukan dan Rekreasi SPT	*89*



Graf Menunjukkan Penggunaan Kemudahan Sukan MPSP Bagi Tahun 2014.

Pengurusan dan Penyelenggaraan Dewan Orang Ramai MPSP

Majlis juga mempunyai dewan-dewan orang ramai yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan selama setahun kepada Persatuan atau Pertubuhan dengan mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran sebanyak RM100.00.


Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada MPSP dan sertai dengan

i. Sijil Pertubuhan yang sah
ii. Senarai Ahli Jawatankuasa
iii. Perancangan aktiviti tahunan

Stastistik Dewan Orang Ramai Bagi Tahun 2014

Bil	Status / Kawasan	SPU	SPT	SPS
1.	Diuruskan oleh Persatuan atau Pertubuhan	43	77	43
2.	Kekosongan	15	22	18
	Jumlah	58	99	61

Jadual Bilangan Dewan Orang Ramai MPSP bagi tahun 2014



Graf menunjukkan Bilangan Dewan Orang Ramai MPSP bagi tahun 2014

Keratan Akhbar

Jabatan ini ditugaskan untuk membuat keratan akhbar mengenai isu-isu MPSP dan yang berkaitan untuk tindakan MPSP dan untuk Sistem Keratan Akhbar. Di bawah ini merupakan statistik keratan akhbar yang telah dibuat sepanjang tahun 2014.

Statistikn Keratan Akhbar MPSP Tahun 2014

BIL	AKHBAR / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
1	B.HARIAN	13	17	10	2	6	8	3	7	0	5	2	0
2	H.METRO	15	15	10	5	7	6	9	8	7	6	3	3
3	SINARHARIAN	52	26	35	16	18	10	9	21	1	3	9	8
4	THE STAR	48	52	36	10	3	4	9	37	8	4	8	11
5	NST	12	13	14	0	0	2	2	17	1	1	2	2
6	SUN	13	8	6	0	1	1	3	7	0	0	2	1
7	MALAY MAIL	14	16	8	1	1	1	2	5	0	0	2	0
8	ORIENTAL DAILY	5	1	7	4	6	3	4	2	0	1	0	1
9	CHINA PRESS	9	14	15	12	6	17	9	17	15	9	21	11
10	GUANG MING	9	9	13	14	7	13	11	9	5	9	11	14
11	NAN YANG	10	5	6	7	4	6	9	7	10	7	10	8
12	KWANG WAH	6	3	5	2	2	3	5	3	5	6	2	7
13	SIN CHEW DAILY	4	3	7	8	1	3	9	20	13	6	3	5

Biro Pengaduan Awam

- Mengendalikan Pengaduan Awam MPSP adalah sebahagian daripada Jabatan Kemasyarakatan. Aktiviti dibawah Bahagian Pengaduan Awam MPSP adalah Pengurusan Aduan dan Jendela Pelanggan.

- Aduan diterima daripada orang ramai dan agensi kerajaan melalui pelbagai saluran seperti surat, fax, email, telefon, internet, mesyuarat, hadir/lisan, keratan akhbar, sistem e-PINTAS. Aduan yang mempunyai maklumat dan lokasi yang lengkap akan diproses dalam tempoh 1 hari. Maklum balas diberi kepada pengadu dalam tempoh 5 hari dari tarikh aduan dibuat jika pengadu memberi alamat yang lengkap.

- Jendela pelanggan diadakan setiap bulan pada hari Jumaat minggu pertama (hari bekerja dan sekiranya cuti pada hari tersebut maka ianya akan diadakan pada hari Jumaat minggu berikutnya) mulai jam 10 pagi – 12 tengahari bertempat di Ruang Lobi, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Disini pelanggan MPSP berpeluang untuk bertemu dengan Pengarah atau pegawai kanan Majlis bagi semua jenis urusan berkaitan MPSP.



Sesi Jendela Pelanggan di Ruang Lobi, MPSP

Statistik Aduan Mengikut Bulan Bermula Dari 01/01/2014 Sehingga 31/12/2014

Bil	Bulan	Surat	Telefon	Media	Lisan/Hadir	Internet	E-mail	Mesyuarat	Selesai	Belum Selesai	Jumlah
1	Jan	45	587	0	92	197	191	7	1095	24	1119
2	Feb	26	683	0	82	191	193	0	1139	36	1175
3	Mac	13	602	0	80	198	172	6	1055	16	1071
4	Apr	39	554	0	78	168	169	8	1004	12	1016
5	Mei	27	534	0	65	229	180	6	1011	30	1041
6	Jun	20	566	0	57	184	115	7	911	38	949
7	Jul	16	651	0	65	175	129	0	999	37	1036
8	Ogos	16	585	0	76	174	199	1	1013	38	1051
9	Sept	17	568	0	76	163	154	8	942	44	986
10	Okt	11	643	0	68	212	161	1	1064	32	1096
11	Nov	25	600	0	83	176	143	0	983	44	1027
12	Dis	23	607	1	103	163	156	12	1008	57	1065
	Jumlah	278	7180	1	925	2230	1962	56	12224	408	12632
	Peratus (%)	2.20	56.84	0.01	7.32	17.65	15.53	0.44	96.77	3.23	100.00

Statistik Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi & Daerah Bermula Pada 01/01/2014 Sehingga 31/12/2014

Bil	Kod Kategori Aduan	Nama Kategori Aduan	SPU	SPT	SPS	Siap	Belum Siap	Jumlah
1	13	Longkang / Parit	481 22.86%	1137 54.04%	486 23.10%	2091 99.38%	13 0.62%	2104 100%
2	20	Sampah	336 21.83%	956 62.12%	247 16.05%	1528 99.29%	11 0.71%	1539 100%
3	18	Pokok	312 24.41%	645 50.47%	321 25.12%	1265 98.98%	13 1.02%	1278 100%
4	02	Haiwan	358 28.55%	608 48.48%	288 22.97%	1249 95.60%	5 0.40%	1254 100%
5	04	Jalan	172 20.00%	512 59.53%	176 20.47%	844 98.14%	16 1.86%	860 100%

Statistik Aduan Mengikut Jabatan Tertinggi Bermula 01/01/2014 Sehingga 31/12/2014

Bil	Kod Jabatan	Nama Jabatan	Jumlah	%
1	103	Perkhidmatan Perbandaran	4556	29
2	113	Perkhidmatan Kesihatan	2632	16.75
3	104	Kejuruteraan	2275	14.48
4	112	Pelesenan	1591	10.13
5	116	Landskap	1542	9.82
6	114	Direktorat Penguatkuasaan	1302	8.29
7	105	Bangunan	1160	7.38
8	101	Khidmat Pengurusan	271	1.73
9	115	Pesuruhjaya Bangunan	188	1.2
10	106	Perancang Bandar	84	0.53
11	111	Kemasyarakatan	46	0.29
12	102	Undang	27	0.17
13	108	Penilaian Dan Pengurusan harta	17	0.11
14	107	Perbendaharaa	17	0.11
15	117	Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa	0	0

Pengendalian Majlis dan Keraian MPSP Tahun 2014

Fungsi utama Jabatan Kemasyarakatan adalah menjadi "Event Manager" bagi setiap program dan majlis keraian yang diadakan oleh MPSP. Antara majlis dan keraian yang telah diadakan sepanjang tahun 2014 ialah seperti berikut.

1. Majlis Pelancaran Projek Komposter Aerob Peringkat SPT
2. Perhimpunan Korporat
3. Majlis Penyempurnaan Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal
4. Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Taman Bersih 2014, Perkarangan Surau Taman Sungai Duri Permai, Sungai Bakap
5. Majlis Pelancaran Projek Komposter Aerob Peringkat Seberang Perai Utara
6. Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2014
7. Majlis Penutupan Latihan Eco Ranger
8. Majlis Perasmian Projek Tebatan Banjir Kampung Baru, Bukit Mertajam
9. Majlis Pelancaran Projek Komposter Aerob Peringkat Kadun Perai I
10. Seminar Pemahaman Tugas & Tanggungjawab JMB/MC Dan Pemilik Petak Terhadap Komuniti Berstrata Di MPSP
11. Majlis Pelancaran Cadangan Pengindahan Lanskap Taman Kimsar, Perai
12. Majlis Perasmian Kempen Derma Darah
13. Ucapan Bajet 2015
14. Majlis Perasmian Pasar Awam Perkampungan Juru
15. Ucapan Majlis Penutupan "Youth Exchange Program "
16. MPSP Tower Run 2014
17. Sambutan Perayaan Hari Majlis Yang Ke- 40 / 2014
18. Bengkel Pengeluaran Ke Arah Kelestarian 2014
19. Perhimpunan Korporat
20. Majlis Pelancaran Buku Pusat Kitar Semula Komuniti
21. Majlis Pecah Tanah Projek Naik taraf Sistem Saliran Di Taman Siakap, Seberang Jaya
22. Majlis Perasmian Projek CSR Lanskap Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara
23. Program Khidmat Sosial Lestari Hijau 2014
24. Majlis Pelancaran Sisa Sifar Dan Kempen Makan Sampai Habis

25. Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika Dan Pengumpulan Bekas Polisterina
26. Perhimpunan Korporat
27. Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2014 Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013
28. Kursus Induksi Ahli Majlis bagi Tahun 2014
29. Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2014
30. Asian Regional Conference "Gender Rsponsive Budgeting (GRB) Narratives: Tranforming Institutions, Empowering Communities"
31. Majlis Perasmian Anugerah Sekolah Hijau 2014 Bertempat Di Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin
32. Majlis Perasmian Projek Pengurusan Sisa Organik CCAC / Bank Dunia Di Taman Pandan, Butterworth
33. Majlis Pelancaran Pengurusan Sisa Organik Domestik (Sisa Sifar) Park View (Harbour Palace) Butterworth
34. Majlis Penutupan Bengkel kitar Semula Kreatif Permatang Nibong
35. Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis – Ahli Majlis MPSP 2014
36. Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2014
37. Majlis Pecah Tanah Pasar Awam Perkampungan Juru
38. Majlis Perasmian Projek CSR Anjung Bagan

GAMBAR MAJLIS KERAIAN MPSP PADA TAHUN 2014



Kempen Zero Waste SMK Sri Muda
16 April 2014



Perhimpunan Korporat
7 Ogos 2014



Perasmian CCTV
17 Ogos 2014



Projek Tebatan Banjir B Garden
8 November 2014



Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Lucky
29 November 2014



Majlis Penyampaian Hadiah Taman Bersih MPSP
6 Disember 2014



Perasmian Projek Sistem Saliran Sri Nibong
7 Disember 2014



Pelancaran Projek Komposter Aerob SPS
7 Disember 2014



Promosi Cabutan Bertuah Cukai Pintu
19 Disember 2014

Unit Eko-Komuniti

Pada tahun 2014, Unit Eko Komuniti telah menjalankan lebih 200 aktiviti yang bertujuan untuk mempertingkatkan program kitar semula dan mengalakkan pengurangan sampah. Promosi 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse & Recycle* adalah aktif dijalankan oleh MPSP. Setiap lapisan masyarakat, bermula dengan diri sendiri dididik untuk mewujudkan masyarakat yang kurang mengeluarkan sisa, atau menjana sisa (sisa sifar – *rethink*) dengan menjalankan program kitar semula bagi sisa yang dijana dan membudayakan kitar semula dalam kehidupan seharian.

Program-program yang dijalankan memfokuskan mengenai kepentingan kitar semula dan kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu boleh dikitar semula, tidak boleh dikitar semula dan sisa organik. Bahan yang boleh dikitar semula dikumpul untuk jualan, tidak boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah dan sisa organik dijadikan kompos.


Secara mudah, konsep ini mengajar supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Dengan mengamalkan kitar semula ini, ia dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah malah dapat mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekapan pengurusan sumber alam.

i) Kitar Semula

Statistik Kadar Kitar Semula Bagi Tahun 2014

Bulan	Berat Kitar Semula (tan)	Berat Sampah (tan)	Jumlah Sampah (tan)	Peratus Kitar Semula Bulanan
Januari	21,807.036	37,322.360	59,129.396	36.88%
Februari	17,286.171	29,696.470	46,982.641	36.79%
Mac	17,251.889	34,633.170	51,885.059	33.25%
April	19,125.490	37,311.440	56,436.930	33.89%
Mei	18,972.640	36,244.110	55,216.750	34.36%
Jun	18,469.907	37,602.120	56,072.027	32.94%
Julai	14,929.498	38,867.310	53,796.808	27.75%
Ogos	15,803.927	39,733.400	55,537.327	28.46%
September	22,414.755	36,568.760	58,983.515	38.00%
Oktober	19,428.537	36,701.670	56,130.207	34.61%
November	23,670.982	34,774.150	58,445.132	40.50 %
Disember	25,391.255	34,709.630	60,100.885	42.25%
JUMLAH	234,552.087	434,164.590	668,716.677	35.075%

STATISTIK KITAR SEMULA 2014



JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
21,807.036	17,286.171	17,251.889	19,125.490	18,972.640	18,469.907	14,929.498	15,803.927	22,414.755	19,428.537	23,670.982	25,391.255

Aktiviti Kitar Semula Di Sekolah





Aktiviti Kitar Semula Di Pejabat





Aktiviti Kitar Semula Di Komuniti





ii) <u>PENGURUSAN SISA ORGANIK KOMUNITI</u>

Tujuan program ini adalah untuk mendidik penduduk bahawa sisa dapur seperti kulit buah-buahan, sayur-sayuran, semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja. Sekiranya masyarakat mengamalkan pengkomposan dan kitar semula, ia dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan dan dapat membantu MPSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun.

Komuniti yang terlibat di dalam program kutipan sisa organik:

- Taman Bagan Lalang
- Kampong Permatang Nibong
- Taman Tambun Indah
- Taman Keenways
- Taman Desa Damai
- Taman Putri Gunung
- Taman Gemilang
- Taman Pandan
- Taman Tanjung Indah
- Park View, Butterworth
- Auto City, Juru

Pengurusan Sisa Organik Komuniti





ii) PROGRAM SISA SIFAR SEKOLAH

Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan sisa-sisa pejabat, kantin dan kebun kepada pihak sekolah serta menggalakkan penambahbaikan berterusan.

Pelajar juga diberikan tanggungjawab bagi menjaga kebersihan bilik darjah dan kawasan-kawasan tertentu. Penglibatan pelajar secara menyeluruh bererti mereka dididik untuk menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dalam aspek kebersihan.

32 Sekolah mengambil bahagian dalam program Kutipan Sisa Organik





ii) KEMPEN MAKAN SAMPAI HABIS – RESTORAN

Tujuan program ini adalah untuk mengurangkan sisa organik dihantar ke tapak pelupusan sampah di Pulau Burung. Didapati 40% daripada sampah yang dihantar ke tapak pelupusan ini adalah sisa organik yang boleh dikitar semula.

Pengurusan Auto City telah mengambil inistiatif meminta pelanggannya iaitu penyewa restoran mengasingkan sisa organik untuk pengkomposan. Pihak Auto City Juru juga pada awal Januari, 2014 telah mengadakan *R&D untuk merekacipta mesin kompos dan mesin penyiat bagi program pengkomposan.*

Hasil dari penyelidikan mereka, kini 4 buah mesin kompos telah berjaya dihasilkan. Dengan kerjasama dari penyewa restoran, purata sisa organik yang dikutip ialah 120 kg sehari. Ini bermakna sebanyak 43.8 tan sisa organik telah berjaya tidak dihantar ke Pulau Burung dalam tahun 2014.

Pada tahun 2015, pengkomposan ini akan meliputi seluruh kawasan Auto City.

Kempen Makan Sampai Habis - Restoran





DIREKTORAT PENGUATKUASAAN



JABATAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN

Pendahuluan

Direktorat Penguatkuasaan ditubuhkan pada 01 Julai 2010 sempena penjenamaan semula Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Direktorat Penguatkuasaan berperanan menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang diperuntukkan dan digunapakai di seluruh Seberang Perai yang meliputi keluasan 738.41 kilometer persegi. Jumlah kakitangan Direktorat Penguatkuasaan adalah seramai 180 orang.

Fungsi Jabatan

Melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai melibatkan :-

- Penguatkuasaan tempat letak kereta berkupon Penguatkuasaan kunci tayar
- Pengurusan dan penyelarasan kupon jam, kupon harian, stiker bulanan dan sewaan petak khas.
- Pemantauan, penyelarasan dan penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran.
- Pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti mengotorkan jalan.
- Pemeriksaan dan penguatkuasaan aktiviti hiburan.
- Penguatkuasaan melibatkan halangan am.
- Penguatkuasaan kenderaan berat dalam kawasan perumahan.
- Pengurusan stor sitaan barang rampasan.
- Kawalan keselamatan pejabat Yang Dipertua, Setiausaha Perbandaran dan Ibu Pejabat MPSP.
- Pemantauan kamera litar tertutup (CCTV).
- Pengeluaran pas pelawat , permit barang lusuh dan sampah-sarap serta kawalan keselamatan Zon Perindustrian Bebas (FIZ).
- Membantu jabatan dalaman dan luaran dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

Struktur Unit Di Direktorat Penguatkuasaan

Pengurusan Direktorat Penguatkuasaan diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh tiga orang Penolong Pengarah dan 3 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa dua orang Ketua Pembantu Penguatkuasa Kanan.

Pelaksanaan fungsi-fungsi yang diamanahkan dilakukan oleh unit-unit yang ditubuhkan iaitu Unit Pentadbiran, Unit Tempat Letak Kereta, Unit Kunci Tayar, Unit Halangan, Unit Lesen, Unit Bangunan, Unit Kerja Tanah dan Unit kawalan Zon Perindustrian Bebas (FIZ).

Unit Pentadbiran

Menjalankan pentadbiran am jabatan melibatkan urusan kehadiran, cuti, perolehan, fail-fail jabatan, kenderaan dan lain-lain urusan pentadbiran. Tugas memasukkan data kompaun, mengeluarkan notis peringatan dan pemantauan pembayaran kompaun juga dibuat oleh unit ini. unit ini juga menguruskan dan menyelaras penerimaan dan pengagihan aduan yang diterima setiap hari melalui Sistem aduan BPA MPSP, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), panggilan telefon, email, MPSP Watch, pengadu datang sendiri untuk membuat aduan, Ahli Majlis, Yang Berhormat , EXCO, Jendela Pelanggan dan sebagainya kepada unit-unit berkaitan dan memberi maklum balas tindakan ke atas aduan tersebut. Pemantauan Kamera Litar tertutup (CCTV) dan Kawalan Ini Pejabat MPSP serta Kawalan Pejabat Yang DIPertua Serta Pejabat Setiausaha Perbandaran adalah sebahagian daripada tanggungjawab unit ini.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah aduan diselesaikan	1,174
2.	Jumlah aduan belum diselesaikan	29
3.	Jumlah keseluruhan aduan	1,204

Unit Risikan Dan Siasatan

Unit ini menjalankan tugas risikan bagi pihak jabatan di mana sebelum sesuatu operasi dilaksanakan, unit ini akan dihantar terlebih dahulu ke lokasi bagi melihat keadaan lokasi dan juga menilai tahap risiko di lapangan. Unit ini juga menjalankan siasatan dan juga penyediaan dokumen fail siasatan bagi pendakwaan ke mahkamah.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Bilangan kes dirisik	34 kes
2.	Bilangan fail siastan dibuka	137 fail

Unit Tempat Letak Kereta

Menjalankan penguatkuasaan tempat letak kereta berkupon di petak letak kereta yang diwartakan di seluruh Seberang Perai mengikut Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995 (Pindaan 2006). Jumlah petak yang telah diwartakan adalah 13,470 petak (sehingga Julai 2008). Anggaran kompaun yang dikeluarkan adalah sebanyak 400 kompaun sehari. Unit ini juga menguruskan kupon jam, kupon harian, stiker bulanan dan petak khas.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah kompaun dikeluarkan ke atas kenderaan	109,339 kompaun
2.	Jumlah amaun yang dibayar	RM 784,345.00
3.	Notis peringatan kepada pesalah (Mailer)	notis
4.	Bilangan kes untuk pendakwaan ke Jabatan Undang-Undang	7,900 kes





MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
BAHAGIAN PENGUATKUASA
NOTIS KESALAHAN SERTA TAWARAN KOMPAUN

No. Kenderaan:
No. Cukai Jalan: 76436 NO. 060701
Jenama Kenderaan:
Tempat :
(Kod :) No. Perak :
Tarikh : Waktu : Pg/Petang/Mlm

Kepada Pemandu/Pemilik Kenderaan bernombor seperti di atas. Dengan ini adalah dimaklumkan kenderaan nam/puan telah didapati melakukan kesalahan seperti ditandakan 'X'.

PERINTAH LALULINTAS JALAN (LETAK KERETA BERKUPON) MPSP1995

- Perintah 6 (1) Tidak Mempamerkan Kupon Yang Sah
- Perintah 7 Tidak Mempamerkan Kupon Di Atas 'dashboard'/Sebelah Kanan Dengan Jelas
- Perintah 8 Mempamerkan Kupon Tidak Mengikut Arahan-Arahan Yang Diberikan.
- Perintah 9 Masa Yang Ditunjuk Dalam Kupon Berkuatkuasa Tidak Bersambung Serta-Merta
- Perintah 15 Letak Tanpa Membayar Cuj / Melebihi Masa
- Perintah 19 Letak Di luar Tempat / Petak Letak Kereta
- Perintah 20 (1) Letak Melintang Garisan Petak
- Perintah 20 (2) Ingkar Tanda & Isyarat Di Tempat Letak Kereta
- Perintah 25 (1) Menghalang Tempat / Petak Letak Kereta
- Perintah 27 Menyalahgunakan Tempat / Petak Letak Kereta
- Perintah 28 Berdagang / Beniaga Di Tempat / Petak Letak Kereta
- Perintah 29 Membasuh / Memcuci Kenderaan Motor Di Tempat / Petak Letak Kereta

UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN KERAJAAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 1975

- Undang-Undang Kecil 10 (1) (g) Memberhentikan Kenderaan Di Sutkaki

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN MPSP 1992

- Undang-Undang Kecil 3(g) Menanggung Beskal/Memandu Kenderaan Bermotor Di Atas Rumput/Letrog Pejalan Kaki

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

- Seksyen 46 (1) (g) Memberhentikan Kenderaan Di Sutkaki

Pegawai yang mengeluarkan notis :

Untuk Kegunaan Jabatan Kewangan

No. Kuitansi :

TAWARAN MENGKOMPAUN

Majlis bersedia menghitungkan kesalahan yang ditandakan / dicatatkan di atas dengan bayaran seperti ditunjukkan mengikut Jadual di bawah ini / seperti ditawarkan oleh pegawai yang diberi kuasa. Kegagalan menjelaskan bayaran kompaun mengakibatkan tindakan undang-undang akan diambil terhadap kesalahan yang dilakukan.

Jadual Pembayaran	Bayaran dalam 14 hari	Bayaran selepas 14 hari	Bayaran selepas 28 hari dan sebelum tindakan undang-undang
Motosikal	RM 10.00	RM 20.00	RM 30.00
Kereta	RM 30.00	RM 40.00	RM 50.00
Van/Lori Kecil/4WD	RM 40.00	RM 50.00	RM 60.00
Lori Besar/Bas	RM 50.00	RM 60.00	RM 70.00

76436 NO. 060701

Saksi untuk pejabat

(MANSOR BIN HASHIM)
Penguasa Undang - Undang
b.p. Yang Dipertua



Unit Kunci Tayar

Menjalankan penguatkuasaan mengikut Perintah 16 (1) dalam Perintah Lalu lintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995 (Pindaan 2006). Kawasan operasi adalah di sekitar Bandar Bukit Mertajam, Padang Lallang, Bandar Sunway, Megamall Pinang, Jalan Bagan Luar, Bagan Ajam dan Taman Selat, Butterworth.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH	JUMLAH BAYARAN
1.	Jumlah kenderaan yang dikunci tayar	3,626 buah	
2.	Jumlah kenderaan yang dialih		





Unit Halangan

Berfungsi untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan halangan di tempat awam berdasarkan seksyen 46 dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Unit ini juga bertindak menjalankan penguatkuasaan berkaitan kenderaan berat dalam kawasan perumahan.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Notis halangan (Motosikal)	58 notis
2.	Jumlah kompaun halangan (Motosikal)	22 kompaun
3.	Jumlah kompaun halangan am dikeluarkan	1,418 kompaun
	Jumlah amaun yang dibayar	RM 54,735.00
4.	Motosikal yang disita	47 buah
	Jumlah amaun yang dibayar	RM2,170.00









Unit Khas Dan Stor Sitaan

Unit ini merupakan tulang belakang Direktorat Penguatkuasaan dalam melaksanakan penguatkuasaan fizikal seperti operasi meroboh, menunda dan mengalih kenderaan, meruntuh 'billboard', antena dan menara telekomunikasi, rumah burung walit dan perbagai tugas fizikal dari jabatan dalaman MPSP.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Barangan yang disita	210 kes
	Jumlah amaun yang dibayar	RM 16400.00
2.	Kenderaan berat / buruk yang disita	40 buah
	Jumlah amaun yang dibayar	RM 4350.00
3.	Papan iklan tanpa permit yang dirobohkan	109 buah
	Jumlah amaun yang dibayar	RM 200.00









Unit Lesen

Unit ini berfungsi untuk membuat pemeriksaan premis perniagaan yang beroperasi dan mengambil tindakan dibawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 sekiranya peniaga menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah dari MPSP. Unit ini juga bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan ke atas tepat-tempat hiburan. Unit ini juga bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan rampasan ke atas penjaja-penjaja haram.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Jumlah premis yang diperiksa	6026 buah
2.	Jumlah kompaun yang dikeluarkan ke atas premis	1222 kompaun
3.	Jumlah amaun yang dibayar	RM 150,258.00
4.	Jumlah premis hiburan yang diperiksa	100 buah
5.	Notis kacau ganggu yang dikeluarkan	5 notis
6.	Notis memberhentikan perniagaan yang dikeluarkan	32 notis









Unit Bangunan

Unit ini berfungsi bagi memantau pematuhan notis dan menjalankan operasi meruntuh binaan tanpa kelulusan berdasarkan seksyen 70 dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Operasi meruntuh	41 kes
2.	Operasi Burung Walit (Jabatan Perkhidmatan Kesihatan)	17 kes
3.	Notis proviso yang dikeluarkan	82 notis
4.	Notis berhenti kerja	251 notis
5.	Notis meruntuh	570 notis
6.	Pemantauan kes binaan tanpa kebenaran	162 kes





Unit Kerja Tanah

Unit ini bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah MPSP 1992 melibatkan kesalahan mengotorkan jalan oleh lori-lori tanah akibat daripada aktiviti kerja tanah yang dijalankan.

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Kompaun kenderaan mengotorkan jalan dikeluarkan	217 kompaun
2.	Kompaun kenderaan mengotorkan jalan yang dibayar	972 kompaun
3.	Jumlah amaun yang dibayar	RM 44510.00
4.	Jumlah kertas pendakwaan kesalahan mengotorkan jalan	11 kes
5.	Daftar kes mahkamah kompaun kerja tanah	389 kes





Unit Kawalan Keselamatan Zon Perindustrian Bebas

Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan penyelenggaraan kawasan MPSP bersama Kastam DiRaja Malaysia. Fungsi utama unit ini adalah mengawal keluar masuk orang awam dan kenderaan dalam Zon Perindustrian Bebas sepanjang masa.

Bulan	Pengeluaran Pas Zon Bebas	Pegeluaran Lori Sampah	Pengeluaran Lori Bahan Terpakai	Pengeluaran Permit Sampah	Pengeluaran Permit Bahan Terpakai
Januari	5 = RM 5.00	171	354	3	3
Februari	19 = RM 19.00	145	362	-	6
Mac	39 = RM 39.00	175	408	1	6
April	24 = RM 24.00	173	370	-	9
Mei	13 = RM 13.00	176	370	2	6
Jun	28 = RM 28.00	156	453	3	8
Julai	8 = RM 8.00	123	389	2	9
Ogos	64 = RM 64.00	179	353	1	12
September	19 = RM 19.00	179	379	1	5
Oktober	3 = RM 3.00	163	333	-	8
November	6 = RM 6.00	171	300	3	9
Disember	18 = RM 18.00	195	310	3	8
Jumlah	**246 = RM 246.00**	**2006 Lori**	**4381 Lori**	**19**	**89**





Unit Risikan dan Siasatan

Unit ini menjalankan tugas risikan bagi pihak jabatan di mana sebelum sesuatu operasi dilaksanakan, unit ini akan dihantar terlebih dahulu ke lokasi bagi melihat keadaan lokasi dan juga menilai tahap risiko di lapangan. Unit ini juga menjalankan siasatan dan juga penyediaan dokumen fail siasatan bagi pendakwaan ke mahkamah.

Bil	KES	BULAN												JUMLAH
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogs	Sept	Okt	Nov	Dis	
1	Perniagaan Tanpa Lesen	7	9	12	6	7	11	6	3	9	3	7	12	**92**
2	Notis Perniagaan Dihentikan	0	0	1	0	0	2	0	0	1	2	2	2	**10**
3	Notis Kacau Ganggu	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	**1**
4	Kerja Tanah	4	4	7	6	6	5	3	4	1	0	0	0	**40**
5	Notis Halangan	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
6	UUK Taman	0	3	5	2	1	6	0	3	2	0	0	0	**22**
7	Papan Iklan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
	JUMLAH	**11**	**16**	**25**	**15**	**14**	**24**	**9**	**10**	**13**	**5**	**9**	**14**	**165**

Laporan Kertas Siasatan Yang Telah Diambil Tindakan Tahun 2014

Bil	KES	BULAN												JUMLAH
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis	
1	Perniagaan Tanpa Lesen	18	10	16	3	0	0	11	21	11	7	10	12	**119**
2	Notis Perniagaan Dihentikan	0	1	0	4	5	1	0	0	0	0	0	0	**11**
3	Notis Kacau Ganggu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
4	Kerja Tanah	2	9	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**13**
5	Papan Iklan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
6	UUK6 (UUK Taman)	3	4	5	3	0	0	0	0	0	0	0	0	**15**
7	Akta Jalan Parit & Bangunan	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**1**
	JUMLAH	**23**	**24**	**24**	**10**	**5**	**1**	**11**	**21**	**11**	**7**	**10**	**12**	**159**

JABATAN PELESENAN



JABATAN PELESENAN

Struktur Jabatan

Terbahagi kepada **3** bahagian utama

i) Bahagian Pentadbiran

ii) Bahagian Lesen Am dan Industri
- Unit Lesen Am, Lesen Hiburan dan Permit
- Unit Lesen Industri

iii) Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil
- Unit Lesen Penjaja
- Unit Pengurusan Ruang Niaga

Fungsi Utama

- Menerima, memeriksa, memproses dan mengawal pengeluaran semua lesen premis perniagaan dan permit di Seberang Perai.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan semua aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap semua aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan tanpa lesen dan semua aduan yang diterima serta mengemukakan laporan.
- Menjalankan kerja-kerja mengumpul maklumat dan statistik berkaitan aktiviti perniagaan dan penjajaan untuk tujuan rekod.
- Mengurus dan mengawal semua ruang niaga Majlis serta mengendalikan temuduga terbuka untuk pengisian kekosongan ruang niaga Majlis.
- Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja haram.
- Menjalankan pembersihan dan pengurusan pasar awam dan kompleks makanan MPSP.

Objektif Jabatan Pelesenan

Memastikan semua kegiatan perniagaan dilesenkan untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat perniagaan mengikut kategori masing-masing (unit am, industri, hiburan dan penjaja).

Objektif Majlis Dari Segi Kawalan Pembangunan

- Memastikan semua premis perniagaan berlesen.
- Meningkatkan penguatkuasaan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan warga Seberang Perai daripada kacau ganggu.
- Memastikan peniaga mematuhi syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan.

Undang-Undang Yang Dikuatkuasakan

- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980
- Undang-Undang Kecil (Iklan) MPSP 2001
- Undang-Undang Kecil Penjaja MPSP 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPSP) 1992
- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1975
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) MPSP 1990
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-Setal Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998
- Peraturan-Peraturan Hiburan Pulau Pinang 2001
- Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010

Statistik Pengeluaran Lesen Bagi Tahun 2014

Jenis Lesen	Permohonan	Lulus	Batal dan Tolak
Lesen Am	2585	1951	322
Lesen Industri	401	287	87
Lesen Penjaja	666	499	90
Lesen Veterinar	32	28	1

Ruang Niaga Majlis

- Kadar sewaan bulanan yang dikenakan untuk menyewa ruang-ruang niaga tersebut adalah seperti berikut:-

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(KADAR STANDARD)
(Pasar Awam)

JENIS JUALAN	Kadar sewaan sebelum semakan (RM)	Kadar Sewa Baru							
		Kategori 1 (100%) (RM)		Kategori 2 (60%) (RM)		Kategori 3 (40%) (RM)		Kategori 4 (20%) (RM)	
		Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014
SAYUR	65	130	130	105	104	90	90	80	78
DAGING LEMBU	65	130	130	105	104	90	90	80	78
DAGING KAMBING	65	130	130	105	104	90	90	80	78
DAGING KINZIR	65	130	130	105	104	90	90	80	78
IKAN	75	150	150	120	120	105	105	90	90
AYAM PROSES	75	150	150	120	120	105	105	90	90
BRG AM/RUNCIT	65	130	130	105	104	90	90	80	78
BUAH-BUAHAN	65	130	130	105	104	90	90	80	78
GERAI TERTUTUP	120	240	240	190	190	170	168	145	144
PETAK: AM	30	60	60	50	48	40	40	35	35
PETAK: MAKANAN	30	60	60	50	48	40	40	35	35
PETAK: PELBAGAI	30	60	60	50	48	40	40	35	35

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(KADAR STANDARD)
(Kompleks Makanan)

JENIS JUALAN	Kadar sewaan sebelum semakan (RM)	Kadar Sewa Baru							
		Kategori 1 (100%) (RM)		Kategori 2 (60%) (RM)		Kategori 3 (40%) (RM)		Kategori 4 (20%) (RM)	
		Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014	Kadar Baru Yang Diluluskan Majlis Penuh 23 Mei 2014	Kadar Yang Dikaji Semula Diluluskan Majlis Penuh 25 September 2014
Petak terbuka tanpa bumbung	30	60	60	50	48	40	40	35	35
Petak terbuka tanpa bumbung	60	120	120	95	95	85	84	70	70
Gerai tertutup & berbumbung (tidak berkunci)	90	180	180	145	144	125	125	110	108
Gerai tertutup & berbumbung	120	240	240	190	190	170	168	145	144

* Perjumpaan diantara Yang Dipertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran bersama Ahli Majlis pada 17 Oktober 2014 memutuskan kadar sewa Pasar Awam Seberang Jaya dan Kompleks Makanan Jalan Tenggiri dinaikkan sebanyak 60% sahaja. Sekiranya dibuat naiktaraf, kadar sewa akan dikaji semula.

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(BUKAN KADAR STANDARD)
PASAR AWAM
(KATEGORI 1 - KENAIKAN 100%)

DAERAH	GERAI/PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER 2014
SPT	Kompleks Penjaja Di Pasar Awam Taman Chai Leng	Gerai Tertutup Berbumbung, Berkunci	120.00	90.00	240.00	180.00
SPT	Pasar Awam Seberang Jaya * Perjumpaan diantara Yang Dipertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran bersama Ahli Majlis pada 17 Oktober 2014 memutuskan kadar sewa Pasar Awam Seberang Jaya dan Kompleks Makanan Jalan Tenggiri dinaikkan sebanyak 60% sahaja.	Gerai Tertutup, Berbumbung, Tidak Berkunci	90.00	75.00	180.00	150.00
SPU	Gerai Khinzir Di Pekan Kepala Batas	Gerai Khinzir	65.00	52.00	130.00	104.00
SPS	Pasar Awam Taman Berjaya	Ikan	75.00	60	150.00	120.00
		Sayur	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Lembu	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Kambing	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Khinzir	65.00	50.00	130.00	100.00
		Ayam Proses	75.00	50.00	150.00	100.00
		Gerai Tertutup	120.00	120.00	240.00	240.00
		Petak	30.00	30.00	60.00	60.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(BUKAN KADAR STANDARD)
KOMPLEKS AWAM
(KATEGORI 2 - KENAIKAN 60%)

DAERAH	KOMPLEKS MAKANAN	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER 2014
SPT	Lebuh Kurau 5	Petak Terbuka Berbumbung	60.00	30.00	95.00	48.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(BUKAN KADAR STANDARD)
PASAR AWAM
(KATEGORI 3 - KENAIKAN 40%)

DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER 2014
SPU	PASAR AWAM SUNGAI DUA	IKAN	75.00	60.00	105.00	84.00
		SAYUR	65.00	52.00	90.00	72.80
		DAGING LEMBU	65.00	52.00	90.00	72.80
		DAGING KINZIR	65.00	52.00	90.00	72.80
		AYAM PROSES	75.00	60.00	105.00	84.00
		GERAI TERTUTUP	120.00	96.00	170.00	134.40
SPU	PASAR AWAM TASEK GELUGOR	IKAN	75.00	60.00	105.00	84.00
		SAYUR	65.00	52.00	90.00	72.80
		DAGING LEMBU	65.00	52.00	90.00	72.80
		DAGING KINZIR	65.00	52.00	90.00	72.80
		AYAM PROSES	75.00	60.00	105.00	84.00
		G/T: AM/RUNCIT	120.00	96.00	170.00	134.40
		G/T: MAKANAN	120.00	96.00	170.00	134.40
		PETAK	30.00	30.00	40.000	40.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(BUKAN KADAR STANDARD)
PASAR AWAM
(KATEGORI 3 - KENAIKAN 40%)

DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER 2014
SPT	PASAR AWAM SRI PENANTI	IKAN	75.00	60.00	105.00	84.00
		SAYUR	65.00	52.00	90.00	72.80
		DAGING LEMBU	65.00	52.00	90.00	72.80
		AYAM PROSES	75.00	60.00	105.00	84.00
		G/T: AM/RUNCIT	120.00	96.00	170.00	134.40
		G/T: BUAH-BUAH	120.00	96.00	170.00	134.40
		PETAK MAKANAN TERBUKA BERBUMBUNG	60.00	45.00	85.00	63.00
		PELBAGAI (MEJA) TERBUKA BERBUMBUNG	60.00	52.00	85.00	72.80
SPT		AYAM	75.00	65.00	105.00	91.00
SPS	PASAR AWAM SUNGAI BAKAP	IKAN	75.00	60.00	105.00	84.00
		SAYUR	65.00	60.00	90.00	84.00
		DAGING LEMBU	65.00	60.00	90.00	84.00
		DAGING KINZIR	65.00	60.00	90.00	84.00
		AYAM PROSES	75.00	60.00	105.00	84.00
		G/T: MAKANAN	120.00	120.00	170.00	168.00
		G/T: BRG RUNCIT	120.00	120.00	170.00	168.00
		G/T: BRG AM	120.00	200.00	280.00	280.00

Kadar Baru Selepas Kajian Semula
(BUKAN KADAR STANDARD)
KOMPLEKS MAKANAN
(KATEGORI 3 - KENAIKAN 40%)

DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER 2014
spu	Kompleks Teluk Air Tawar Indah	Gerai Tertutup	120.00	70.00	170.00	98.00
spu	Kompleks Sg Puyu	Gerai Terbuka Berbumbung	60.00	30.00	85.00	42.00
spt	Kompleks PPS Jalan Perusahaan 8A	Gerai Tertutup	120.00	60.00	170.00	84.00
spt	Kompleks PPS Jalan Perusahaan 8B	Gerai Tertutup	120.00	60.00	170.00	84.00

- Ruang niaga Majlis ditawarkan untuk sewaan kepada penjaja-penjaja di seluruh Seberang Perai melalui **temuduga terbuka** yang diadakan **2 kali pada setiap bulan** di MPSP.
- Temuduga terbuka yang diadakan akan dianggotai oleh panel Ahli Majlis MPSP dan diurusetiakan oleh Jabatan Pelesenan.

Statistik Pengisian Ruang Niaga

BULAN	SPU		SPT		SPS	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	3	9	12	5	2	1
FEBRUARI	5	12	25	36	2	6
MAC	10	3	57	98	1	0
APRIL	19	5	25	12	0	0
MEI	4	7	26	13	3	8
JUN	15	7	72	50	8	40
JULAI	10	2	100	36	4	0
OGOS	5	12	24	13	3	20
SEPTEMBER	10	1	10	3	5	2
OKTOBER	12	5	32	12	14	20
NOVEMBER	33	0	79	19	15	17
DISEMBER	26	70	1	6	5	2
JUMLAH	**152**	**133**	**463**	**303**	**62**	**116**

Jumlah Ruang Niaga Majlis Yang Aktif Sehingga Tahun 2014

JENIS	JUMLAH PASAR / KOMPLEKS				JUMLAH RUANG NIAGA			
	SPU	SPT	SPS	JUMLAH	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
PASAR AWAM	9	13	8	**30**	1,149	1,844	818	**3,811**
KOMPLEKS	31	31	5	**67**	837	791	103	**1,731**

KUTIPAN HASIL JABATAN PELESENAN BAGI TAHUN 2011, 2012, 2013 dan 2014

KETERANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)			
	2011	2012	2013	2014
Lesen Industri	1,768,720.00	1,502,577.50	1,771,601.50	1,996,906.00
Lesen Perniagaan	4,820,014.50	4,236,816.50	4,966,208.00	6,163,621.50
Lesen Hiburan	77,549.00	82,369.00	85,306.00	75,098.00
Lesen Penjaja	611,102.70	536,952.80	556,274.60	584,903.80
Permit Iklan (Pelesenan)	626,830.00	624,090.00	479,315.00	595,672.00
Permit Perniagaan Sementara	40,380.00	50,550.00	50,510.00	41,550.00
Permit Pelesenan (Kanopi)	35,660.00	30,600.00	38,920.00	37,480.00
Permit Meja Tambahan	155,480.00	182,040.00	178,380.00	137,192.00
Sewaan Pasar Awam/Kompleks	3,467,901.00	3,379,795.00	3,498,683.50	4,093,811.80
Kompaun Jabatan Pelesenan	110,880.00	234,040.00	273,845.00	339,741.50
Denda Permit Memasang Banner/Sepanduk/Kain Rentang	3,800.00	0	1,480.00	4,540.00
JUMLAH	**11,718,317.20**	**10,859,830.80**	**11,900,523.60**	**14,070,516.60**

Kajian Hasil Kutipan Jabatan Pelesenan 3 Tahun

LESEN DAN PERMIT						
Bil	**Kod**	**Keterangan**	**01/01/2012 – 31/12/2012**	**01/01/2013 – 31/12/2013**	**01/01/2014 – 31/12/2014**	**% Beza 2014**
1.	71100	Perindustrian	RM1,502,577.50	RM1,771,601.50	RM1,996,906.00	11.28%
2.	71200	Perniagaan	RM4,236,816.50	RM4,966,208.00	RM6,163,621.50	19.43%
3.	71300	Hiburan	RM82,369.00	RM85,306.00	RM75,098.00	-13.59%
4.	71400	Veterinar, Ternakan Haiwan & Laut	RM83,133.10	RM86,102.00	RM99,047.00	13.07%
5.	71500	Tempat Menyediakan Makanan	RM308,363.00	RM324,068.00	RM334,432.00	3.10%
6.	71612	Lesen Penjaja (71600,71610, 71614, 71615 & 71616)	RM145,456.70	RM146,104.60	RM151,424.80	3.51%
7.	71760	Permit Iklan (Pelesenan)	RM624,090.00	RM479,315.00	RM595,672.00	19.53%
8.	71770	Permit Perniagaan Sementara	RM50,550.00	RM50,510.00	RM41,550.00	-21.56%
9.	71780	Permit Pelesenan (Kanopi)	RM30,600.00	RM38,920.00	RM37,480.00	-3.84%
10.	71800	Permit Meja Tambahan	RM182,040.00	RM178,380.00	RM137,192.00	-30.02%
JUMLAH			**RM7,246,815.80**	**RM8,126,455.10**	**RM9,632,423.30**	**15.63%**

SEWAAN						
Bil	**Kod**	**Keterangan**	**01/01/2012 – 31/12/2012**	**01/01/2013 – 31/12/2013**	**01/01/2014 – 31/12/2014**	**% Beza 2014**
1.	74400	Sewaan Gerai Kompleks	RM1,124,010.00	RM1,208,090.00	RM1,364,679.00	11.47%
2.	74403	Sewaan Gerai Pasar Awam	RM2,255,785.00	RM2,290,593.50	RM2,729,132.80	16.07%
JUMLAH			**RM3,379,795.00**	**RM3,498,683.50**	**RM4,093,811.80**	**14.54%**

DENDA DAN HUKUMAN						
Bil	**Kod**	**Keterangan**	**01/01/2012 – 31/12/2012**	**01/01/2013 – 31/12/2013**	**01/01/2014 – 31/12/2014**	**% Beza 2014**
1.	76410	Kompaun Jabatan Pelesenan	RM234,040.00	RM273,845.00	RM339,741.50	19.40%
2.	76470	Denda Permit Memasang Banner/Kain Rentang Untuk Cagaran (Pelesenan)	RM0.00	RM1,480.00	RM4,540.00	67.40%
JUMLAH			**RM234,040.00**	**RM275,325.00**	**RM344,281.50**	**20.03%**


JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (CO)
MPSP

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran dan pengeluaran Sijil Penubuhan JMB, menyelaras aduan berkaitan bangunan bertingkat dan memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 663 & Akta 318 kepada pembeli / pemilik petak skim perumahan berstrata di kawasan Seberang Perai.

Unit-Unit di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan

- Unit Pentadbiran
- Unit Kewangan dan Akaun
- Unit Teknikal dan Penguatkuasaan

Fungsi Jabatan

- Memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) bagi setiap kawasan pemajuan bertingkat di bawah Akta 663 [Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007] dan Akta 318 [Akta Hakmilik Strata 1985].
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB.
- Menangani aduan berkaitan bangunan bertingkat, penubuhan JMB/MC, pertikaian berkenaan akaun pengenggaraan bangunan dan lain-lain.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, mengikut peruntukan di bawah Akta 663 dan Akta 318.
- Mengumpul dan menyelaras data-data berkaitan bangunan berstrata untuk kegunaan Jabatan, Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 663 & Akta 318.

Status Badan Pengurusan Strata

Jumlah Kawasan Pemajuan Berstrata di MPSP	
944 kawasan pemajuan (62,961 petak)	SPU = 379 (21,137 petak) SPT = 488 (34,747 petak) SPS = 77 (5,086 petak)

Kategori Kawasan Pemajuan Berstrata Mengikut Bilangan Petak	
11 Petak dan ke Atas : 383 kaw. pemajuan (61,043 petak)	SPU = 146 (21,529 petak) SPT = 198 (33,874 petak) SPS = 39 (5,640 petak)
10 Petak dan ke Bawah : 561 kaw. pemajuan (1,918 petak)	SPU = 233 (681 petak) SPT = 290 (1,097 petak) SPS = 38 (140 petak)
Jumlah : (383 + 561) = 944 kawasan pemajuan	

